

Wanita dan Pekerjaan : Hubungan dengan Kesuburan

Ko Eng

No. Matrik 050234

Latihan Ilmiah  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sessi 1988/89

PENGHARGAAN

Dalam usaha untuk menjayakan latihan ilmiah ini, beberapa pihak telah memberi bantuan dan kerjasama kepada saya. Di sini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada penyelia saya, PROFESOR MADYA ROKIAH TALIB . Beliau telah memberi garis panduan, bimbingan dan cadangan yang membina sepanjang latihan ilmiah ini serta mengorbankan masa untuk menyemak draf-draf yang awal.

Tidak ketinggalan saya ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada penghuni-penghuni di rumah pangsa Lereh, Melaka kerana sanggup ditemuduga dan memberi maklumat-maklumat dan pandangan yang diperlukan untuk latihan ilmiah ini. Pengkajian ini tidak akan berjalan dengan lancar tanpa kerjasama dari mereka.

Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan saya kerana telah memberi nasihat dan sokongan dalam menjayakan latihan ilmiah ini.

KO ENG

No. matrik : 050234

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

26 hb. Nov. 1988

## SINOPSIS

Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian ke atas 30 orang pekerja wanita Cina yang telah berkahwin serta mempunyai suami dan anak di kawasan rumah pangsa Lereh, Melaka. Jenis pekerjaan responden digolongkan sebagai kakitangan/employee dan pekerja sendiri/self-account worker. Tujuan utama kajian ialah untuk melihat hubungan pekerjaan-kesuburan dengan tumpuan khusus kepada konflik peranan sebagai seorang pekerja dan ibu dengan kesuburan. Di samping juga ingin melihat kaitan antara budaya dan Perancangan Keluarga dengan kesuburan.

Bab 1 dinyatakan tentang tujuan, bidang, kaedah dan kepentingan kajian serta masalah-masalah yang dihadapi ketika menjalankan penyelidikan. Penguraian konsep-konsep diadakan bagi memudahkan lagi pemahaman terhadap penulisan ini.

Manakala bab 2 merupakan peninjauan terhadap penulisan-penulisan awal untuk menambahkan pengetahuan mengenai tajuk kajian ini.

Bab 3 pula dinyatakan tentang latarbelakang kawasan kajian dan sebab-sebab kawasan ini dipilih sebagai sampel kajian. Di samping juga dinyatakan keadaan sosio-ekonomi responden dan suami, aliran kesuburan, latarbelakang keluarga dan anak serta faktor-faktor yang mendorong responden bekerja.

Bab-bab seterusnya merupakan topik-topik perbincangan hasil kajian. Bab 4 dinyatakan tentang peluasan peranan pekerja wanita sebagai seorang pekerja dan ibu, konflik peranan yang

dialami dan cara penyesuaian. Akhirnya dinyatakan rumusan tentang sejawatnya konflik peranan mempengaruhi kesuburan.

#### PENGARUHAN

Faktor budaya juga penting dalam mempengaruhi kesuburan. Bab 5 akan menguraikan sistem kekeluargaan dan budaya Cina terutama sikap, nilai dan norma masyarakat Cina terhadap jantina dibandingkan dengan masyarakat Cina tradisional.

#### BAB 6 : PENGETAHUAN

Bab 6 akan meninjau pengetahuan, sikap dan amalan responden terhadap Perancangan Keluarga.

1.1 Tujuan kajian

Bab 7 - Penutup

1.2 Bidang kajian

1.3 Kewujudan kajian

1.4.1 Penyelidikan perancangan

1.4.2 Soal-selidik

1.4.3 Tatabual

1.5 Hasilah kajian

1.6 Kepentingan

1.7 Konsep-konsep

1.8.1 Konsep perancangan

1.8.2 Konsep kontlik perancangan

1.8.3 Difinisi kritis

#### BAB 2 : KONSEP-KONSEP TERWULUS

2.1 Pengantar

2.2 Pengaruh kewyu-kewyu Jantunggoti

2.3 Kesimpulan

Note: Kewu

## ISI KANDUNGAN

### MUKASURAT

PENGHARGAAN	-----	i
SINOPSIS	-----	ii
ISI KANDUNGAN	-----	iv
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	-----	vii

### BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan kajian	6
1.3 Bidang kajian	8
1.4 Kaedah kajian	10
1.4.1 Penyelidikan perpustakaan	11
1.4.2 Soal-selidik	11
1.4.3 Temubual	13
1.5 Masalah kajian	13
1.6 Kepentingan kajian	15
1.7 Konsep-konsep	15
1.7.1 Konsep peranan	16
1.7.2 Konsep konflik peranan	18
1.7.3 Definisi kerja	20

### BAB 2 : TINJAUAN KARYA-KARYA TERTULIS

2.1 Pengenalan	22
2.2 Tinjauan karya-karya luar negeri	23
2.3 Kesimpulan	31
Nota kaki	32

BAB 3 : LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN,

RESPONDEN DAN KELUARGA

3.1 Pengenalan	34
3.2 Lokasi kajian	34
3.2.1 Pemilihan kawasan kajian	35
3.3 Latarbelakang responden	
3.3.1 Umur	36
3.3.2 Taraf pelajaran	37
3.3.3 Pekerjaan	38
3.3.4 Pendapatan	40
3.4 Aliran kesuburan	41
3.4.1 Tempoh perkahwinan dan aliran kesuburan	44
3.4.2 Tempoh bekerja dan aliran kesuburan	46
3.5 Jenis kekeluargaan	47
3.6 Latarbelakang suami	
3.6.1 Umur	48
3.6.2 Taraf pelajaran	49
3.6.3 Pekerjaan dan pendapatan	49
3.7 Sebab-sebab bekerja	51

BAB 4 : KONFLIK PERANAN DAN KESUBURAN

4.1 Pengenalan	53
4.2 Wanita Cina zaman tradisional dan perubahan peranan	53
A - "Three cardinal guides and five constant virtues"	54
B - "Three obediences and four virtues"	54
4.2.1 Pengaruh pendidikan dan perubahan	57
4.3 Konflik peranan dan cara penyesuaian	58

4.4 Hubungan konflik peranan dan kesuburan	67
4.5 Kesimpulan	70
Nota kaki	72
<b>BAB 5 : BUDAYA DAN KESUBURAN</b>	
5.1 Pengenalan	73
5.2 Budaya dan sistem kekeluargaan Cina tradisional	73
5.3 Sikap terhadap kejantinaan anak dan kesuburan	77
5.4 Kesimpulan	82
Nota kaki	84
<b>BAB 6 : PERANCANGAN KELUARGA DAN KESUBURAN</b>	
6.1 Pengenalan	85
6.2 Pengetahuan mengenai Perancangan Keluarga	85
6.3 Amalan Perancangan Keluarga	86
6.4 Sikap terhadap Perancangan Keluarga	87
6.5 Kesimpulan	89
<b>BAB 7 : PENUTUP</b>	90
<b>BIBLIOGRAFI</b>	102
<b>LAMPIRAN SOAL-SELIDIK</b>	

Jadual 3.01

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Tampat merujuk dan muka biling MUKASURAT

Jadual 1.01

Taburan penduduk wanita yang bekerja

mengikut taraf gunatenaga : Semenanjung

Malaysia 1981-84.

3

Jadual 1.02

Taburan wanita Cina yang bekerja

mengikut taraf gunatenaga : Semenanjung

Malaysia 1981-84.

4

Jadual 1.03

Malaysia : Anggaran penduduk mengikut

kumpulan etnik 1980-1990.

5

Jadual 3.01

Taburan umur responden

37

Jadual 3.02

Taraf pelajaran responden

38

Jadual 3.03

Jenis pekerjaan responden

39

Jadual 3.04

Taburan pendapatan sebulan responden

40

Jadual 3.05

Taburan bilangan anak mengikut umur

41

Jadual 3.06

Bilangan kelahiran mengikut jarak

masa dalam tahun.

42

Jadual 3.07

Pendapat responden mengenai saiz

keluarga ideal.

43

Jadual 3.08

Taburan umur responden semasa berkahwin

45

<u>Jadual 3.09</u>	Penyebaran bilangan responden mengikut tempoh perkahwinan dan purata bilangan anak (termasuk yang telah meninggal dunia)	45
<u>Jadual 3.10</u>	Penyebaran responden mengikut tempoh bekerja dan purata kadar kesuburan.	46
<u>Jadual 3.11</u>	Penyebaran responden mengikut jenis kekeluargaan	48
<u>Jadual 3.12</u>	Taburan umur suami	48
<u>Jadual 3.13</u>	Taburan taraf pelajaran suami	49
<u>Jadual 3.14</u>	Taburan pekerjaan suami	50
<u>Jadual 3.15</u>	Taburan pendapatan suami	51
<u>Jadual 4.01</u>	Tindakan responden semasa anak sakit	64
<u>Jadual 4.02</u>	Sikap wanita terhadap "wanita yang tidak bekerja boleh menjaga anak dengan lebih baik"	69
<u>Rajah A</u>	Model hipotetikal peranan wanita yang sudah berkahwin	18

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Kesuburan wanita dikaitkan dengan pelbagai faktor terutama dari segi biologikal, sosial, budaya dan ekonomi. Keperluan untuk mengkaji tingkah laku terhadap kesuburan meningkat selaras dengan pertambahan penduduk dunia yang begitu mendadak khasnya di negara-negara Dunia Ketiga. Kesan lebihan penduduk amat ketara dan membawa kepada pelbagai masalah. Antaranya ialah kehausan sumber-sumber alam, masalah kekurangan makanan serta peluang-peluang pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan kesihatan yang terhad. Hanya sebilangan kecil yang berpeluang menikmati pembangunan ekonomi. Akibatnya polarisasi kelas meningkat dan jurang kemiskinan bertambah luas. Maka inisiatif untuk mengurangkan kadar kelahiran menjadi perkara yang amat dititikberatkan di negara-negara Dunia Ketiga. Usaha-usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar pertambahan penduduk tetapi kejayaan yang didapati amat terhad. Persoalan asas tentang apakah fenomena yang menyebabkan kadar kesuburan yang tinggi dan apakah faktor atau situasi yang boleh membawa kepada kemerosotan kadar kesuburan masih lagi diperbincangkan.

Pada masa kebelakangan ini, pekerjaan wanita mula mendapat perhatian dan pertimbangan kritikal dalam mempengaruhi kadar kesuburan. Di Malaysia, perkembangan ekonomi dan perubahan masyarakat dalam dunia yang serba moden ini telah menyebabkan semakin ramai kaum wanita melibatkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan. Jumlah wanita yang keluar bekerja semakin meningkat.

Dari jadual 1.01, didapati bahawa pada tahun 1981, seramai 1442.5 ribu wanita melibatkan diri dalam pekerjaan. Angka ini meningkat 5.13% kepada 1516.4 ribu pada tahun 1982 dan 4.93% kepada 1591.2 ribu pada tahun 1983. Pada tahun 1984, wujud sedikit penurunan iaitu sebanyak 1.91% ( dari 1591.2 ribu kepada 1560.8 ribu ) bagi jumlah tenaga buruh wanita.

Kakitangan ( employee ) merupakan kumpulan gunatenaga utama. Jadual 1.01 jelas menunjukkan bahwa 61 - 65% daripada jumlah wanita yang bekerja dikuasai oleh kumpulan kakitangan. Jumlah kakitangan wanita telah meningkat sejak tahun 1981. Pada tahun 1984, seramai 1025 ribu ( 65.7% ) daripada jumlah wanita yang bekerja terdiri dari kakitangan. Golongan pekerja sendiri menjadi kumpulan ketiga besar dan bilangannya juga memperlihatkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pada tahun 1984, wujud penurunan sebanyak sebanyak 16.3%

Jadual 1.02 menunjukkan jumlah tenaga buruh wanita Cina telah meningkat sejak tahun 1981 kecuali pada tahun 1984. Golongan kakitangan juga yang menguasai jumlah tenaga buruh wanita Cina iaitu dalam lingkungan 66 - 70%. Bilangan kakitangan wanita Cina telah meningkat dari tahun ke tahun. Dari tahun 1981, jumlah kakitangan wanita Cina telah naik 1.64% kepada 360.8 ribu pada tahun 1982 dan 5.24% kepada 379.7 ribu pada tahun 1983. Angka ini meningkat lagi pada tahun 1984 sebanyak 1.06% menjadi jumlah kakitangan wanita Cina seramai 383.7 ribu. Sementara itu, bilangan pekerja sendiri ( own account worker ) wanita Cina juga menunjukkan peningkatan yang agak menggalakkan kecuali pada tahun

Taraf gunatenaga	Penduduk wanita yang bekerja ('000)			
	1981	1982	1983	1984
Jumlah	1442.5	1516.4	1591.2	1560.8
Majikan	9.0	11.1	14.5	10.1
Kakitangan	907.1 (62.9%)	938.0 (61.9%)	990.8 (62.3%)	1025.0 (65.7%)
Pekerja sendiri	248.4 (17.2%)	269.8 (17.8%)	301.5 (19.0%)	252.4 (16.2%)
Pekerja keluarga tanpa gaji	278.0	297.5	284.3	273.3

Jadual 1.01 : Taburan penduduk wanita yang bekerja mengikut gunatenaga : Semenanjung Malaysia 1981 - 84

( Petikan dari Lapuran Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 1981 - 84, Jabatan Perangkaan Malaysia m/s 128 )

1984 di mana wujud sedikit penurunan. Lapuran Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 1981 - 84 juga jelas menunjukkan bahawa golongan wanita Cina yang telah berkahwin merupakan komposisi utama dari jumlah tenaga buruh wanita Cina secara keseluruhannya iaitu dalam lingkungan 48 - 52%.

Sementara itu, menurut Rancangan Malaysia Kelima ( 1986 - 1990 ) penduduk Malaysia telah bertambah pada kadar 2.6% setahun dari 13.9 juta pada tahun 1980 kepada 15.8 juta pada tahun 1985. Walau bagaimanapun, kadar pertambahan penduduk tahunan adalah sangat berbeza antara kumpulan etnik. Di Semenanjung Malaysia, dalam tempoh 1980 - 85, penduduk Melayu dan lain-lain bumiputra bertambah pada kadar purata tahunan sebanyak 2.9%

Taraf gunatenaga	Wanita Cina yang bekerja ('000)			
	1981	1982	1983	1984
Jumlah	521.2	544.0	575.3	544.3
Majikan	6.1	7.5	8.1	5.3
Kakitangan	355.0 (68.1%)	360.8 (66.3%)	379.7 (66.0%)	383.7 (70.5%)
Pekerja sendiri	64.3 (12.4%)	73.5 (13.5%)	83.2 (14.5%)	68.5 (12.6%)
Pekerja keluarga tanpa gaji	95.9	102.1	104.4	86.9

Jadual 1.02 : Taburan wanita Cina yang bekerja mengikut taraf gunatenaga : Semenanjung Malaysia 1981 - 84

( Petikan dari Lapuran Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 1981 - 84, Jabatan Perangkaan Malaysia m/s 128 )

berbanding dengan 1.7% bagi kaum Cina dan 2.1% bagi kaum India. Perbezaan ini terutamanya mencerminkan perbezaan dalam kadar kesuburan di kalangan pelbagai kaum dan seterusnya menyebabkan bahagian penduduk mengikut kumpulan etnik terus berubah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.03.

Di Malaysia, arah aliran kesuburan terus berkurangan dalam tempoh 1980 - 83. Walau bagaimanapun, di kalangan kaum Melayu dan lain-lain bumiputra di Semenanjung Malaysia, wujud peningkatan pada awal tahun 1980 an. Kadar kesuburan keseluruhan ( KKK ) bumiputra adalah 4.53 pada tahun 1983 berbanding dengan

JADUAL 1.03

MALAYSIA: ANGGARAN PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETHNIK,  
1980-90

Kumpulan ethnik	1980		1985		1990		Kadar pertumbuhan tahunan purata (%)		
	'000	%	'000	%	'000	%	1981-85	RME	1986-90
Semenanjung Malaysia (%)	11,473.0 (82.7)	100.0	12,968.8 (82.1)	100.0	14,605.2 (81.7)	100.0	2.5	2.4	2.4
Melayu dan lain-lain Bumiputera	6,324.4	55.1	7,325.6	56.5	8,493.0	58.1	2.9	2.7	3.0
Cina	3,894.3	33.9	4,248.4	32.8	4,579.2	31.4	1.7	2.0	1.5
India	1,178.9	10.3	1,311.9	10.1	1,441.1	9.9	2.1	2.3	1.9
Lain-lain	75.4	0.7	82.9	0.6	91.9	0.6	1.9	2.1	2.1
Sabah (%)	1,055.1 (7.6)	100.0	1,279.5 (8.1)	100.0	1,517.4 (8.5)	100.0	3.9	3.5	3.4
Bumiputera <sup>1</sup>	874.6	82.9	1,077.0	84.2	1,294.0	85.3	4.2	3.8	3.7
Cina	171.1	16.2	191.0	14.9	209.7	13.8	2.2	2.0	1.9
India	5.9	0.6	7.2	0.6	8.6	0.6	4.0	2.4	3.6
Lain-lain	3.5	0.3	4.3	0.3	5.1	0.3	4.1	2.9	3.4
Sarawak (%)	1,351.1 (9.7)	100.0	1,542.8 (9.8)	100.0	1,754.6 (9.8)	100.0	2.7	2.4	2.6
Bumiputera <sup>2</sup>	939.8	69.6	1,080.8	70.1	1,242.2	70.9	2.8	2.5	2.8
Cina	394.7	29.2	442.9	28.7	490.4	27.9	2.3	2.1	2.0
India	3.4	0.2	4.0	0.2	4.6	0.2	3.2	4.4	2.8
Lain-lain	13.2	1.0	15.1	1.0	17.4	1.0	2.7	3.1	2.8
Malaysia (%)	13,879.2 (100.0)		15,791.1 (100.0)		17,877.2 (100.0)		2.6	2.5	2.5

Nota:

<sup>1</sup> Termasuk semua suku kaum Bumiputera di Sabah, Melayu, Orang Asli-Cina dan Orang Asli Sarawak.

<sup>2</sup> Termasuk Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh dan lain-lain Orang Asli.

4.47 pada tahun 1980. Sebaliknya kadar kesuburan kaum Cina dan India terus berkurangan dengan pesatnya. Pada tahun 1983, KKK bagi kaum Cina adalah 2.72 berbanding dengan 3.14 pada tahun 1980 sementara KKK kaum India adalah 3.0 pada tahun 1983 berbanding dengan 3.38 pada tahun 1980. Keadaan ini jelas menunjukkan bahwa kadar kesuburan merosot paling hebat di kalangan kaum Cina iaitu sebanyak 0.42. Ini juga menunjukkan keinginan kaum Cina untuk mempunyai saiz keluarga yang kecil berbanding dengan masa-masa lalu. Perbezaan kesuburan mengikut kumpulan etnik akan berterusan. Menjelang tahun 1990, kadar kesuburan Melayu dan lain-lain bumiputra di Semenanjung Malaysia dijangka akan berkurangan kepada 4.0 sementara kadar kesuburan kaum Cina dan India adalah setengah dari kadar tersebut. ( Rancangan Malaysia Kelima 1986 - 1990 m/s 148 - 156 )

## 1.2 TUJUAN KAJIAN

Data-data yang didapati jelas menunjukkan hakikat bahawa jumlah tenaga buruh wanita Cina semakin meningkat iaitu dari 521.2 ribu pada tahun 1980 kepada 544.0 ribu pada tahun 1981 dan seterusnya kepada 575.3 ribu pada tahun 1983. ( jadual 1.02 ) Setiap satu masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 4.38% dan 5.76%. Wujud penurunan 5.39% pada tahun 1984 menjadikan jumlah wanita Cina yang bekerja seramai 544.3 ribu. Kumpulan kakitangan dan pekerja sendiri merupakan komposisi gunatenaga utama yang merangkumi 80 - 83% dari jumlah wanita Cina yang bekerja. Sementara itu, KKK kaum Cina terus berkurangan dalam tempoh 1980 - 83. Pada tahun 1983, KKK kaum Cina adalah 2.72 di mana wujud penurunan sebanyak 0.42 berbahding dengan KKK pada tahun

1980 sebanyak 3.14 Mengikut taksiran Rancangan Malaysia Kelima ( 1986 - 1990 ) menjelang tahun 1990, KKK kaum Cina akan berkurangan kepada 2.0 Jadi jelas bahwa faktor pekerjaan merupakan salah satu angkubah penting yang mempunyai kaitan rapat dengan kesuburan. Maka dapat diwujudkan hipotesis bahwa faktor pekerjaan menyebabkan penurunan kesuburan di kalangan wanita Cina.

Peluang-peluang kerja yang terbuka luas pada masa kini telah memindahkan wanita dari ruang "domestic" ke ruang "public". Perubahan ini telah memperluaskan lagi peranan wanita dari seorang ibu kepada pekerja. Namun situasi ini tidak pula mengurangkan atau mengubah peranan serta tanggungjawab mereka dalam bidang "domestic". Mereka terpaksa menggabungkan peranan tradisional sebagai ibu dengan peranan baru sebagai pekerja. Usaha untuk memenuhi kedua-dua peranan ini memerlukan masa, tenaga dan perhatian. Konflik peranan akan dialami memandangkan status dan peranan mereka dalam bidang "domestic" dan "public" mempunyai matlamat yang berbeza.

Seperti yang sedia maklum, dalam sebuah keluarga, wanita yang telah berkahwin diharapkan dapat melahirkan anak, menjaga dan mendidik di samping menjadi teman kepada suaminya. Pekerjaan di luar rumah pula telah meletakkan wanita ini dalam situasi atau satu set jangkaan yang agak berlainan dari yang dialaminya di ruang "domestic". Sebagai seorang pekerja, mereka diharapkan dapat menumpukan sepenuh perhatian pada tugas mereka dan menunjukkan potensi kerja yang baik. Peluasan peranan ini amat sukar untuk dipenuhi dengan serta-merta serentak dan mengikut apa

yang dijangkakan oleh masyarakat.

Memandangkan wanita kini bergolak dalam situasi yang berkonflik dalam peranannya sebagai seorang ibu dan pekerja, maka tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan sejauhmana konflik peranan sebagai seorang ibu dan pekerja mempengaruhi kadar kesuburan pekerja wanita. Di samping itu, kajian ini juga ingin menentukan apakah faktor-faktor yang menyebabkan wanita ini melibatkan diri dalam bidang pekerjaan.

Selain dari melihat kaitan antara pekerjaan dan kesuburan, kajian ini juga bertujuan untuk melihat budaya Cina terutama dari segi sikap mereka terhadap jantina yang turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kadar kesuburan di kalangan pekerja wanita Cina.

Perancangan Keluarga juga merupakan satu elemen penting yang mempengaruhi kesuburan. Jadi kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tentang pengetahuan, sikap dan amalan wanita Cina terhadap Perancangan Keluarga,

### 1.3 BIDANG KAJIAN

Bidang kajian ini akan dihadkan kepada beberapa aspek saja untuk memenuhi tujuan kajian. Pemilihan responden untuk kajian ini dihadkan kepada pekerja wanita Cina saja yang telah berumahtangga dan mempunyai suami dan anak. Kawasan rumah pangsa dijadikan tempat penyelidikan di mana seramai 30 orang pekerja wanita Cina dipilih. Wanita Cina ini terlibat dalam pelbagai bidang pekerjaan yang boleh digolongkan sebagai kakitangan

( employee ) dan pekerja sendiri ( own account worker ). Jenis-jenis pekerjaan ini termasuklah kerani, pekerja kilang, tukang jahit, peniaga, pembantu rumah, pemandu bas dan pembantu peniaga.

Tumpuan utama kajian ialah mengenai perubahan peranan di kalangan pekerja wanita Cina dari menjadi seorang ibu kepada pekerja. Dalam usaha untuk menjalankan tugas mereka sebagai pekerja dan ibu, apakah jenis konflik peranan yang mereka alami? Di samping itu, kajian ini juga menyentuh tentang cara-cara atau strategi-strategi tertentu yang digunakan oleh mereka untuk mengurangkan konflik tersebut agar mereka dapat melaksanakan setiap peranan yang ditentukan dengan sempurna. Kemudian pengkaji akan mengaitkan konflik peranan ini dengan kesuburan dan dari sini dapat ditentukan sejauhmana ia mempengaruhi kadar kesuburan di kalangan pekerja wanita Cina. Penguraian konsep peranan, konflik peranan dan definisi kerja juga diperbincangkan untuk memudahkan lagi pemahaman terhadap penulisan ini.

Latarbelakang responden juga dipentingkan untuk menjelaskan lagi bidang kajian ini. Dengan itu, pengkaji akan meninjau serba-sedikit latarbelakang pekerja wanita Cina seperti umur, taraf pelajaran, pekerjaan, perkahwinan, saiz keluarga dan aliran kesuburan; juga mengenai kedudukan ekonomi keluarga dan latarbelakang suami serta anak-anak mereka. Dari latarbelakang yang diketahui, pengkaji dapat menentukan apakah faktor-faktor yang mendorong wanita Cina bekerja.

Budaya masyarakat Cina juga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kadar kesuburan wanita Cina. Bidang

kajian ini akan mengimbas kembali budaya Cina pada zaman tradisional. Pengkaji akan melihat dari segi nilai-nilai, norma serta jangkaan di kalangan masyarakat Cina tradisional terhadap kekeluargaan dan kesuburan serta sikap mereka terhadap perbezaan jantina. Sikap dan amalan budaya pada zaman tradisional berkenaan masih penting dan mempengaruhi kadar kesuburan wanita Cina pada zaman moden ini.

Latarbelakang responden turut mempengaruhi pengetahuan, sikap dan amalan mereka terhadap Perancangan Keluarga. Kajian ini juga akan meneliti pengetahuan, sikap dan amalan pekerja wanita Cina terhadap Perancangan Keluarga kerana ketiga-tiga faktor ini turut mempengaruhi kadar kesuburan.

Akhir sekali, suatu rumusan terhadap hasil-hasil kajian akan dianalisa untuk melihat keputusan-keputusan persoalan dalam tujuan kajian ini.

#### 1.4 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian adalah penting dalam memastikan segala butir-butir atau maklumat-maklumat diperolehi dengan cara yang lebih tersusun. Kepentingan kaedah kajian dalam pengkajian sains sosial telah diutarakan oleh Arnold M. Rose ( 1965 ) :-

" --- Facts do not simply lie around waiting to be picked up. Facts must be carved out of the continuous web of outgoing reality, must be measured with precision, must be observed where they can be related to other relevant facts. All of this involves methods. "

( Black, J.A. & Champion, D.J. 1976 : 6 )

Dalam usaha untuk mengumpul data-data dan maklumat-maklumat untuk bidang kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah kajian :- (i) Penyelidikan perpustakaan  
(ii) Soal-selidik  
(iii) Temubual

#### 1.4.1 PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai tajuk kajian ini, pengkaji telah membuat penyelidikan awal ke atas sumber-sumber bertulis seperti buku-buku, majalah-majalah dan latihan-latihan ilmiah yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini. Pembentukan soal-selidik telah dibuat oleh pengkaji dengan berdasarkan maklumat-maklumat dan panduan yang ada dalam buku-buku. Lapuran-lapuran rasmi seperti buku Rancangan Malaysia dan lapuran Jabatan Perangkaan juga digunakan untuk mendapatkan statistik yang sesuai bagi menyokong sesuatu kenyataan yang dibuat dalam penulisan latihan ilmiah ini.

#### 1.4.2 SOAL-SELIDIK

Soal-selidik ini telah dirangka sebagai panduan untuk mendapatkan data-data yang bercorak kuantitatif dan kualitatif. Dua bentuk soalan disediakan dalam soal-selidik iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka.

Soalan tertutup merupakan bentuk soalan yang telah disediakan pelbagai jawapan untuk dipilih oleh responden. Menurut Festinger, L. & Katz, D. :-

" --- the possible responses are

contained in the question so that the respondent merely has to select the category which comes closest to his position. "  
( 1966 : 350 )

Soalan terbuka pula tidak disediakan jawapan khusus dan ia bebas untuk dijawab oleh responden. Di sini, pendapat atau idea responden diperlukan. Maklumat atau pendapat yang diberi oleh responden menggambarkan tahap pengetahuan serta ke-pakaran responden. Festinger, L. & Katz, D. menyatakan soalan terbuka adalah :-

" --- one in which the topic given is structured for the respondent but he is given the task of answering in his own words, structuring his answer as he sees fit and speaking at whatever lenght he desires, "  
( 1966 : 350 )

Soal-selidik ini mengandungi beberapa bahagian atau aspek tertentu. Ia meliputi latarbelakang responden dari segi umur, taraf pelajaran, pekerjaan, pendapatan dan pelbagai aspek lain yang berkait dengan keluarga responden, latarbelakang suami serta anaknya.

Dalam usaha untuk mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat yang lebih tepat, kadang-kala pengkaji bersama-sama dengan responden semasa mereka mengisi borong soal-selidik. Jadi pengkaji dapat menerangkan soalan-soalan yang tidak difahami oleh responden dan memastikan setiap soalan dijawab oleh mereka. Adakalanya pengkaji meninggalkan soal-selidik ini kepada responden. Mereka dibiarkan menjawab soalan-soalan sendiri bila mereka lapang. Bagi responden yang tidak tahu membaca dan memahami

Bahasa Malaysia, pengkaji akan menterjemahkan soalan-soalan itu dalam bahasa Mandarin atau dengan dialet Hokkien dan mengisi bagi pihak mereka.

#### 1.4.3 TEMUBUAL

Kaedah temubual bersemuka digunakan dengan cara mengadakan perbualan secara informal untuk memperkuatkan lagi kebenaran data-data yang diperolehi. Persoalan-persoalan yang tidak dapat dipenuhi dengan cara soal-selidik dilengkapi melalui temubual secara informal ini terutama mengenai hal-hal yang terlalu "peribadi" sifatnya.

Melalui temubual, pengkaji juga dapat melihat reaksi responden dan mungkin boleh membuat penilaian ke atasnya. Temubual informal ini berupa kaedah yang bebas di mana pengkaji dapat sentiasa berubah sifat soalan yang ingin dikemukakan supaya sejajar dengan data yang ingin diperolehi. Di samping itu, kaedah ini juga dapat mengurangkan keraguan yang mungkin timbul.

#### 1.5 MASALAH KAJIAN

Semasa kajian luar dijalankan, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah. Di antaranya ialah ketidakfahaman mereka dalam bahasa Melayu terutama di kalangan mereka yang berpendidikan sekolah rendah Cina ke peringkat darjah enam saja. Jadi, sepertimana yang telah dinyatakan di atas, pengkaji terpaksa menterjemahkan dalam bentuk bahasa Mandarin atau Hokkien. Pada peringkat awal, pengkaji menghadapi masalah penterjemahan. Walau bagaimanapun, dengan usaha pengkaji, pengkaji dapat men-

terjemahkan dengan tidak mengubah maksud soalan dan responden berkenaan dapatlah memahami kehendak soalan.

Sebagai seorang pekerja dan surirumah, responden menghadapi masalah kesuntukan masa dan sentiasa sibuk. Mereka hanya dapat meluangkan masa pada waktu malam tetapi masa itulah mereka sedang berehat dan bersama dengan keluarga mereka. Jadi pengkaji tidak mengganggu mereka dengan berkunjung pada waktu malam. Pengkaji terpaksa mengadakan temubual dan penyebaran borong soal-selidik pada hari-hari Ahad atau cuti am. Masa untuk menemui responden begitu terhad. Untuk mengelakkan masalah tidak dapat berjumpa dengan responden atau responden sedang sibuk, pengkaji biasanya mengadakan temujanji dengan responden untuk menetapkan masa yang sesuai.

Ada di kalangan responden yang agak keberatan untuk menjawab soalan-soalan yang ditanya. Mereka terserah kepada pengkaji untuk memberi apa saja jawapan yang difikirkan sesuai. Ini mungkin disebabkan mereka rasa malu atau cuba menyembunyikan hal yang sebenar terutama mengenai soal-soal Perancangan Keluarga dan pendapatan. Walau bagaimanapun, masalah ini tidak wujud di kalangan responden yang pengkaji kenal.

Responden yang ditemui terutamanya yang berpendidikan rendah amat sempit pengetahuan. Jadi soalan-soalan yang memerlukan pandangan dan penjelasan amat sukar untuk dijawab oleh mereka. Mereka sering memberi jawapan seperti "Tak tahu" atau "Tiada pandangan". Jadi pengkaji terpaksa memberi sedikit pendapat terhadap kehendak soalan itu. Kemudian baru mereka dapat menjawab.

Ini merupakan suatu kekurangan pada data-data yang dikumpul kerana apa pandangan atau penjelasan yang dikemukakan oleh mereka mungkin telah dipengaruhi oleh pendapat yang diberi oleh pengkaji sendiri.

Pada keseluruhannya boleh dikatakan kerjasama yang diberi oleh responden adalah baik. Salah satu sebab yang memungkinkan keadaan ini ialah pengkaji adalah penghuni kawasan kajian ini dan mengenali kebanyakan responden. Jadi masalah di mana timbulnya syak-wasangka dan anggapan yang salah terhadap tujuan pengkajian seperti yang dihadapi oleh kebanyakan pengkaji-pengkaji lain tidak menjadi masalah bagi pengkaji sendiri.

#### 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Penulisan yang berdasarkan kajian dan penyelidikan ini mempunyai beberapa kepentingan tertentu. Walau pun responden ini tidak mewakili keseluruhan pekerja wanita Cina, namun hasil kajian ini mengandungi maklumat-maklumat yang dapat dipergunakan dan dipertahankan sebagai maklumat baru. Maklumat-maklumat ini dapat memberi gambaran kasar mengenai hubungan pekerjaan dan kesuburan serta kaitan antara kesuburan dengan faktor budaya dan Perancangan Keluarga. Dengan ini, ia akan menjadi panduan atau bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang menulis tentang topik ini.

#### 1.7 PENGHURAIAN KONSEP

Sebelum dimulakan penulisan latihan ilmiah ini, adalah baik jika difahami dahulu mengenai konsep-konsep yang berkait-

an dengan bidang kajian ini.

### 1.7.1 KONSEP PERANAN

Menurut Linton, R. :-

" A role represent the dynamic aspect of a status. The individual is socially assigned to a status and occupies it with relation to other statuses. When he puts the rights and duties which constitute the status into effect, he is performing a role. Role and status are quite inseperable --- There are no roles without status or statuses without role --- Every individual has a series of roles deriving from the various patterns in which he participates and at the same time a role, general, which represent the sum total of these roles and determines what he does for his society and what he can expect from it. "

( 1893 : 114 )

Tegasnya peranan adalah perlakuan individu dalam menjalankan kehidupannya. Dalam setiap masyarakat, seseorang individu lazimnya menduduki beberapa status tertentu di mana setiap status itu ada peranan yang mesti ia laksanakan. Peranan seseorang terjelma dalam bentuk hak dan tanggungjawab yang menghubungkannya dengan individu lain di dalam kelompok yang dianggotai. Stansfield Sargant misalnya menyatakan bahwa :-

" A person's role is a pattern or type of social behaviour which seems situationally appropriate to him in terms of the demands and expectations of those in his group. "

( Banton, M. 1965 : 21 )

Newcomb, T.H. melihat peranan dengan menggambarkan

setiap anggota dalam masyarakat sebagai mempunyai kedudukan tertentu; setiap kedudukan mempunyai fungsinya dalam cara hidup kumpulan dan mengandungi peraturan-peraturan tingkah laku terhadap individu-individu lain. Tambahan pula menurutnya :-

" --- the ways of behaving which are expected of any individual who occupies a certain position constitute the role --- associated with that position. "  
( Banton, M. 1965 : 27 )

Peranan menentukan dengan khusus siapa yang harus melakukan sesuatu, bila dan di mana. Ia juga merujuk kepada cara bagaimana seseorang individu seharusnya melaksanakan peranan tertentu pada kedudukan tertentu tanpa mengambilkira apa yang ia sebenarnya harus laksanakan. Dalam konteks kajian ini, boleh difahamkan bahwa pekerja wanita Cina yang telah kahwin mempunyai beberapa status tertentu iaitu sebagai pekerja, ibu dan isteri. Pada masa yang sama, ia harus memainkan peranan yang tertentu sebagaimana yang diharapkan dari setiap status yang diduduki.


Banton, M. ( 1965 ) membahagikan peranan kepada tiga bahagian :-

1. Peranan asas ( basic role ) - menetapkan terlebih dahulu kedudukan individu dan memberi kesan terhadap cara individu itu berkelakuan sesuai dengan situasi sosial. Peranan ini ditentukan melalui kelahiran.
2. Peranan umum ( general role ) - aktiviti seseorang yang biasanya berkait dengan kelayakan. Faktor umur dan jantina tidak diambilkira dalam menentukan peranan ini.
3. Peranan bebas ( independent role ) - peranan ini mengikut

situasi di mana ia wujud bila seseorang menjalankan sesuatu tugas pada suatu ketika tertentu.

### 1.7.2 KONSEP KONFLIK PERANAN

Pekerja wanita yang telah berkahwin mempunyai pelbagai sub-identiti iaitu sebagai pekerja, surirumah, isteri dan ibu. ( Lihat rajah A ) Keadaan ini telah melahirkan konflik yang amat serius.



Rajah A : Model hipotetikal peranan wanita yang sudah berkahwin  
oleh Hall (1972) Petikan dari Fatimah Abdullah (1983)

Khan dan rakan-rakannya ( 1964 ) mendefinisikan konflik

peranan sebagai :-

" mutually competing demands by role-senders ( people who communicate role expectations ). "

Berdasarkan teori peranan, Biddle, B.J. & Thomas, E.J. ( 1966 : 12 ) mendefinisikan konflik peranan sebagai :-

" Inconsistent prescriptions ( or other standards ) held for a person by himself or by one/many others  
--- The attribution of inconsistent prescriptions ( or standards ) to others, applicable to one's self  
--- Feeling of unease resulting from the existence or assumption of inconsistent prescriptions ( or standards ) "

Vender Zanden ( 1972 : 127 ) menyebut punca pada konflik peranan ialah :-

1. Jangkaan peranan yang tidak selaras/secocok dengan ciri-ciri keperibadian individu.
2. Konflik jangkaan yang wujud akibat anggapan bersama ( simultaneous assumption ) dua atau lebih peranan.
3. Konflik jangkaan dalam peranan wujud akibat hubungan individu dengan orang lain yang mempunyai peranan lain dalam set-peranannya ( role-set ).
4. Individu akan menghadapi jangkaan konflik akibat pertentangan gerakbalas yang sesuai yang diperlukan oleh sesuatu peranan.
5. Individu akan menghadapi jangkaan konflik akibat kekurangan " interrole consensus ".

Ringkasnya, konflik peranan lahir akibat jangkaan yang tidak secocok ( incompatible expectation ); rasa diri ber-

hadapan dengan kehendak atau tuntutan yang bukan saja tidak se-cocok antara satu sama lain malah juga tidak dapat dipenuhi dengan sempurna atau secara realistik.

Walaupun suami juga memegang pelbagai peranan ( iaitu sebagai suami, bapa dan pekerja ) tetapi setengah dari peranan itu penting pada masa-masa tertentu saja. Oleh itu, tidak banyak konflik yang timbul. Mengikut Killian ( 1952 ), konflik yang dihadapi oleh suami lebih bersifat " latent " kerana mereka dapat melaksanakan peranan satu demi satu. Masalah cuma wujud bila ia diperlukan serta-merta dalam satu masa oleh famili dan tempat kerja. Sebaliknya wanita menghadapi tanggungjawab yang utama pada famili dan anak. Walaupun wanita dan lelaki menghadapi anika peranan ( multi-role ) tetapi konflik lebih dirasai oleh wanita. Tuntutan terhadap peranan dalam famili terutama sebagai seorang ibu biasanya menimbulkan tekanan dan konflik peranan di kalangan wanita.

### 1.7.3 DEFINISI KERJA

Istilah "kerja" tidak mempunyai satu definisi yang tetap. Secara umum, kerja merupakan apa saja kegiatan atau aktiviti yang melibatkan usaha-usaha fizikal. Kamus " Concise Oxford " telah mendefinisikan kerja sebagai :-

" an expenditure of energy, striving,  
application of effort to some  
purpose. "

Aktiviti yang menggunakan tenaga tidak semua dianggap kerja. Maka fungsi ekonomi menjadi satu aspek penting yang perlu ditekankan kerana jika fungsi ekonomi tidak wujud dalam

melakukan sesuatu aktiviti, ia boleh merupakan satu hobi saja.

Menurut ahli ekonomi, kerja merupakan :-

" one of the major factor of production consisting of manual or mental exertion for which wages, salaries or professional fees are received."

( Chew Chuan Juak 1983 : 24 )

Selaras dengan pendapat ahli-ahli ekonomi, Raymond Firth pula beri definisi kerja sebagai :-

" an income producing activity --- a purposeful activity entailing expenditure of energy at some sacrifice of pleasure of leisure. "

( Chew Chuan Juak 1983 : 24 )

Jadi untuk tujuan kajian ini, " kerja " dilihat sebagai aktiviti yang dilakukan oleh individu di luar rumah yang menghasilkan pendapatan dalam bentuk wang. Fungsi ekonomi ditekankan dalam konteks ini.

## BAB 2

### TINJAUAN KARYA-KARYA TERTULIS

#### 2.1 PENGENALAN

Tidak banyak kajian telah dilakukan tentang keadaan kesuburan masyarakat Cina khususnya ke atas wanita Cina yang bekerja. Kebanyakan kajian yang telah dilakukan melihat aliran kesuburan secara umum dan meliputi keseluruhan komposisi kaum Malaysia. Antaranya seperti yang dilakukan oleh " Institute of Southeast Asian " ( 1980, 1985 ),<sup>1</sup> dan " The Malaysian Fertility and Family Survey 1974 ".

Kajian-kajian yang melihat kaitan antara kesuburan dengan pekerjaan boleh dikatakan amat jarang sekali. Antara kajian-kajian yang lebih berhubung rapat dengan aspek ini ialah hasil kerja tesis Cheah Chin Lay ( 1984 ) dan Hamzawi, Riad Amin ( 1982 ).<sup>2</sup> Dalam tesis Cheah Chin Lay, beliau membincangkan sikap pekerja wanita estet terhadap kesuburan dan dapat memberi satu penerangan dengan mengaitkan kesuburan dengan aspek-aspek sosio-ekonomi dan budaya seperti pekerjaan, pendidikan, pendapat-an, agama dan " sex-preference ". Beliau juga memberi huraian tentang sikap, amalan dan pengetahuan mereka terhadap Perancangan Keluarga.<sup>3</sup>

Maka boleh dikatakan kajian terhadap kesuburan wanita Cina khususnya dalam hubungannya dengan pekerjaan dan dengan aspek-aspek lain seperti budaya dan Perancangan Keluarga masih belum diberi tumpuan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, di negara-negara lain, banyak kajian telah dilakukan yang mengaitkan ke-

suburan dengan pelbagai aspek lain. Hasik kajian luar negeri akan dibincangkan sebagai asas pengetahuan dan memudahkan pemahaman terhadap sebahagian dari bidang kajian ini.

## 2.2 TINJAUAN KARYA-KARYA LUARNEGERI

Kajian Peter S.J. Chen, Eddie C.Y. Kuo dan Betty Jamie Chung ( 1982 ) di Singapura melihat kesuburan dari segi nilai dan kos anak. Persepsi ibubapa terhadap nilai dan kos anak dikaitkan dengan nilai sosio-ekonomi dan budaya masyarakat. Kajian ini juga telah memberi penerangan mengenai sebab-sebab responden mahukan anak samada lelaki atau perempuan.<sup>4</sup> Sungguhpun respondennya meliputi keseluruhan komposisi kaum di Singapura, tetapi hasil kajiannya boleh mewakili kaum Cina. Ini disebabkan seramai 78.9% dari respondennya terdiri dari orang Cina.

Hubungan antara pekerjaan dan kesuburan boleh dilihat dari pelbagai perspektif. Berdasarkan pelbagai anggapan dan jangkaan, hubungan pekerjaan-kesuburan lazimnya dihipotesiskan sebagai negatif. Wujudnya sikap demikian adalah berdasarkan jangkaan bahwa pekerjaan wanita membawa kepada pembebasan wanita dari tanggungjawab tradisional; wanita yang bekerja dapat membentuk minat lain dan mempunyai pilihan dan sumber penggantian bagi memenuhi kepuasan dan identitinya sebagai seorang ibu; pekerja wanita yang telah berkahwin perlu memikul beban yang lebih berat dan wujud persaingan atau konflik antara kerja dan tanggungjawab famili. Anggapan sedemikian membawa erti bahwa wujudnya hubungan negatif antara pekerjaan dan kesuburan adalah akibat dari perbezaan nilai dan sikap pekerja-pekerja wanita dan

dilema yang dihadapi.

Kajian-kajian yang telah dilakukan di negara-negara yang lebih maju di Eropah dan Amerika Utara pada umumnya menunjukkan kebenaran hipotesis ini. Sementara kajian-kajian di negara-negara membangun adalah berbeza-beza dari segi konteks bandar dan luarbandar, dari kelas ke kelas dan malah dari satu pekerjaan kepada pekerjaan lain. Perbezaan ini membawa kepada analisa bahwa hubungan pekerjaan dan kesuburan secara tersendiri-nya adalah suatu pembolehubah. Oleh itu, dalam situasi tertentu ia mungkin bersifat positif dan dalam keadaan lain mungkin negatif atau neutral.

Kajian Pinnelli (1971) mengenai pekerjaan-kesuburan adalah fokus kepada " work commitment ".<sup>5</sup> Ia melihat dari segi penilaian wanita terhadap jangka-panjang rancangan kerjanya dan samada mereka bekerja kerana wang. Pinnelli dalam kajiannya ke atas pekerja wanita Itali merumuskan bahwa sebab-sebab yang diberi oleh responden tentang mengapa mereka bekerja amat penting dalam hubungannya dengan kesuburan. Kadar kesuburan adalah rendah di kalangan responden yang bekerja untuk berdikari atau kerana minat berbanding dengan mereka yang bekerja kerana keperluan ekonomi. Keputusan kajian menunjukkan hubungan negatif antara pekerjaan dan kesuburan lebih ketara apabila wanita ini bekerja kerana minat atau apabila mereka percaya kerja akan membawa kebebasan.

Kazumasa Kobayashi (1977) pula membincangkan perbezaan kadar kesuburan mengikut status pekerjaan wanita Jepun.

Data-data yang diperolehi adalah dalam jangkamasa negara Jepun sedang mengalami kadar kesuburan yang amat rendah sejak awal tahun 1960 an setelah alami kemerosotan kesuburan pada tahun 1950 an. Keputusan kajian menunjukkan bahwa saiz famili adalah paling besar di kalangan isteri yang terlibat dalam kerja-kerja pertanian dan paling kecil bagi mereka yang mengerjakan kerja-kerja bukan pertanian. Bagi isteri yang tidak bekerja/surirumah, kadar kesuburan adalah dalam perantaraan.

Dari segi status pekerjaan, pekerja keluarga ( family worker ) secara purata mempunyai saiz famili yang terbesar. Ini diikuti oleh mereka yang tidak bekerja dan mereka yang bekerja di luar mempunyai saiz famili yang terkecil. Oleh kerana pekerja keluarga hanya menjalankan kerja-kerja dalam lingkungan rumah tangga ( seperti menguruskan kedai, menjalankan kerja-kerja pertanian ) maka ketakselarasian ( incompatibility ) antara pekerjaan dan kesuburan tidak menjadi masalah bagi mereka. Kadar kesuburan mereka yang tinggi dikaitkan dengan keinginan mereka untuk menambahkan bilangan tenaga bagi menolong meneruskan dan menguruskan kegiatan ekonomi famili. Tambahan pula, beban untuk menjaga dan mengasuh anak tidak begitu rigid bagi mereka yang berkeluarga besar.

Pekerja-pekerja bergaji mempunyai kadar kesuburan yang terendah. Walau bagaimanapun, data-data yang diperolehi sukar untuk menentukan samada kadar kesuburan yang rendah di kalangan pekerja bergaji adalah akibat dari keinginan menghadkan saiz famili demi untuk keluar bekerja atau saiz famili yang kecil memudahkan mereka untuk keluar bekerja. Kedua-dua faktor ini

wujud tetapi data-data yang ada sukar untuk menentukan faktor mana yang lebih " dominant ".

Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Jepun pada tahun 1971 pula menunjukkan keputusan yang agak berbeza. Bagi wanita yang mempunyai dua orang anak saja, keputusan kajian menunjukkan bahawa peratus mereka yang ingin menambah lagi bilangan anak adalah rendah di kalangan surirumah ( 37% ) berbanding dengan pekerja bergaji ( 49% ). Untuk ibu yang bekerja sebagai pekerja keluarga tanpa gaji ( unpaid family worker ) peratus yang ingin menambah bilangan anak adalah 46% iaitu 1% lebih tinggi dari pekerja bergaji. Kajian ini mementingkan cara penjagaan anak iaitu samada oleh responden sendiri, saudara-mara, ahli keluarga, pembantu rumah atau " day nursery ". Keputusan secara umum menunjukkan ibu yang menjaga anaknya sendiri merasa beban yang lebih berat berbanding dengan mereka yang boleh mendapatkan pertolongan saudara-mara atau pihak lain.

Kajian mengenai perbezaan kesuburan ini yang berteraskan perbezaan dari segi status pekerjaan adalah berdasarkan kajian " cross-sectional " yang tidak melihat aspek motivasi yang menyebabkan wanita bekerja. Menurut Ridley ( 1971 ) interaksi antara pekerjaan dan kesuburan pada asasnya adalah suatu " longitudinal nature ". Maka analisis terhadap perbezaan kesuburan dan status pekerjaan wanita memerlukan satu kajian " longitudinal " berdasarkan " life cycle " wanita.

Kajian oleh Nibhon Debavalya ( 1977 ) di Thailand cuba mengaitkan pekerjaan-kesuburan secara " cross-sectional " dan

" longitudinal ". Pelbagai angkubah telah digunakan untuk tujuan ini. Antaranya ialah dari segi taraf pelajaran suami-isteri, pengalaman dan jangkamasa bekerja serta tempoh perkahwinan. Penemuan kajian menunjukkan wujudnya perbezaan saiz famili berdasarkan perbezaan status pekerjaan suami dan isteri. Apabila jenis status pekerjaan suami dan isteri dipertimbangkan bersama, maka keputusan menunjukkan bahawa pekerjaan isteri adalah pembolehubah bebas yang lebih kritikal dalam mempengaruhi kadar kesuburan berbanding dengan pekerjaan suami.

Konsep konflik peranan dan ketakselarasan peranan ( role incompatibility ) merupakan model teoritikal utama yang paling asas dan sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam menentukan kaitan antara pekerjaan dan kesuburan. Menurut konsep ini, seorang pekerja wanita yang telah berkahwin dikatakan akan menghadapi konflik antara dua peranan iaitu sebagai pekerja dan ibu. Situasi ini memaksa ia membuat penyesuaian antara kerja dan bilangan anak yang akan ditanggung. Untuk mengurangkan masalah konflik, ia dikehendaki mengurangkan tanggungjawabnya ke atas salah satu dari dua peranan ini samada menghadkan kelahiran demi meneruskan pekerjaan, meninggalkan pekerjaan atau menggabungkan kedua-dua peranan sebagai pekerja dan ibu.

Stycos dan Weller ( 1967 ) misalnya menggunakan indeks samada wujud atau tidak konflik antara peranan ibu dan pekerja. Berdasarkan data-data yang diperolehinya di Turki pada tahun 1963, mereka menyatakan bahwa :-

" The question of a relationship  
between female employment and

fertility is of considerable importance for both sociologists and economic planners. - For the former, restriction of fertility among working women would be consistent with the theory of role incompatibility as the family's productive functions decline and as responsibility for child care becomes heavily focused on the mother." ( Kupinsky, S. 1977 : 82 )

Kesan dari konflik peranan ini amat jelas. Seorang wanita yang bekerja di luar rumah harus memilih di mana hendak memokus tenaga dan masanya. Permintaan terhadapnya samada di tempat kerja atau famili mewujudkan konflik yang amat serius. Jika ia lebih cenderung ke arah kerjanya, ia akan cuba mengurangkan bebannya dalam famili dengan cara menghadkan saiz famili.

Konsep konflik peranan dan ketakselarasan peranan biasanya dikaitkan dengan dua aspek utama iaitu organisasi pekerjaan dan penjagaan anak.

Di negara-negara perindustrian, organisasi pengeluaran memindahkan kerja-kerja dari rumah dan tenaga buruh diorganisasikan sedemikian rupa demi untuk kepentingan majikan dan bukannya kepentingan rumahtangga. Ini bermakna demi untuk meninggikan taraf ekonomi keluarga, wanita dalam masyarakat industri dikehendaki menjual tenaga buruh kepada majikan yang tiada hubungan dengan mereka yang mengkehendaki mereka bekerja di kilang-kilang atau pejabat-pejabat di mana anak mereka tidak boleh dibawa bersama. Akibatnya mereka tidak dapat bersama dengan anak ketika bekerja dan tidak dapat meninggalkan tempat kerja sesuka hati untuk menyusukan anak atau memenuhi keperluan anak yang lain.

Keadaan ini menyebabkan wanita dalam negara-negara perindustrian cenderung untuk mengurangkan kadar kesuburan mereka. Sementara itu, keadaan sebaliknya berlaku di kalangan masyarakat yang merlibatkan diri dalam pengeluaran yang bercorak " house-hold based " atau " family controlled ". Antaranya seperti kerja-kerja pertanian, perhutanan, perikanan dan pertukangan.

Aspek kedua yang menentukan tahap konflik antara pekerjaan dan keibuan ( mothering ) ialah wujud atau tidak pihak lain samada dalam atau luar rumah yang berperanan sebagai " mother-substitutes ". Oleh kerana wanita dalam Dunia Ketiga biasanya tinggal bersama atau berdekatan dengan saudara-mara, mereka dikatakan dapat bekerja tanpa menghadapi tekanan untuk menghadkan kelahiran dan berupaya menanggung anak tanpa mengurangkan aktiviti ekonomi mereka. Mereka dapat menikmati kemudahan-kemudahan " baby-sitting " yang murah dan boleh dipercayai lebih tinggi berbanding dengan wanita di bandar atau di negara-negara perindustrian. Proses modenisasi di negara-negara perindustrian telah membawa kepada keruntuhan keluarga " extended " dan masalah untuk menggaji pembantu rumah dan pengasingan sosial ( social isolation ) dijangka akan membawa kesan negatif terhadap hubungan pekerjaan dan kesuburan.

Menurut Hull, V.J., konflik peranan terdiri dari fizikal atau mekanikal konflik dan " normative conflict ".

Konflik fizikal atau mekanikal antara pekerjaan dan keibuan merujuk kepada aspek-aspek seperti samada kerja dilakukan di dalam atau di luar rumah; samada masa kerja berubah atau tetap.

Yang paling penting menurut Hull ialah samada wujudnya kemudahan-kemudahan penjagaan anak. Kajian oleh Hull pada tahun 1975 di perkampungan Maguwoharjo di Jawa Tengah menunjukkan bahwa ibu yang bekerja masih berupaya untuk melaksanakan kedua-dua peranan ini walaupun situasi ini bermakna anak-anak mereka akan ditinggalkan untuk penjagaan ahli keluarga sendiri atau ditinggalkan berseorangan di rumah.

" Normative conflict " merujuk kepada :-

" how working and maternal role are perceived in the society ---- how the society reacts to working mothers. "

Piepmeyer dan Adkins ( 1973 ) menyatakan bahwa :-

" We are suggesting that societal approval of particular roles of women may have an influence on fertility decisions but that greater approval of outside roles and hence less incompatibility, not more, will be related to lower fertility. Only when women attain equal or greater social recognition for economic activity than for childbearing, will the balance change and production of children become the less important activity. "  
( Kupinsky, S. 1977 : 180 )

Beckman ( 1974 ) pula menggunakan model saikologikal dalam menentukan perkaitan antara pekerjaan dan kesuburan. Model ini melihat dari segi kos dan ganjaran bekerja berbanding dengan kos dan ganjaran memelihara anak.<sup>6</sup> Dalam menilai apakah motivasi akibat kos dan ganjaran yang diperolehi dari memelihara anak dan pekerjaan, Beckman menyimpulkan bahwa pekerjaan secara relatif-

nya lebih mendatangkan faedah dan diberi penilaian berbanding dengan memelihara anak. Maka perspektif saikologi cenderung untuk melihat hubungan pekerjaan dan kesuburan sebagai suatu " trade-off " dalam bentuk kos dan ganjaran yang boleh didapatkan dari kerja dan keibuan. ( Kupinsky, S. 1977 : 203 )

### 2.3 KESIMPULAN

Analisis di atas jelas menunjukkan bahwa pelbagai angkubah telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji awal dalam melihat aliran kesuburan. Bagi pengkaji, hubungan antara kesuburan dan pekerjaan akan ditinjau dari segi konflik peranan, budaya serta pengetahuan, amalan dan sikap wanita Cina terhadap Perancangan Keluarga.

perpuslatkan.

3 - Responnya kebanyaknya adalah orang India ( 86.7% )

10% puas mengelak gelangan Melaka sementara kaum Cina hanya 3.2%

4 - Kadang kala jadi sebuah perluhan dengan tujuan utama untuk " family census " seperti memerlukan bantuan keluarga, memberikan harta dan untuk " ancestor worship ". Sebaliknya masih mewujud komposisi keluarga yang ideal yang mengandungi anak lelaki dan anak perempuan dilantik oleh sebab ekonomi ( termasuk jaminan masa tua ), sememangnya sebuah alasan yang diberi untuk dapat anak perempuan iaitu komposisi keluarga yang ideal dilantik oleh sebab ekonomi ( sebaliknya mempunyai bantuan dan man-

NOTA KAKI

- 1 - Nor Laily Aziz et. al., " Culture and fertility, the case of Malaysian." 1980 --- bincang tentang kesuburan tiga kaum utama berdasarkan perbezaan dari segi budaya.
- Noor Laily, Tan Boon Ann, Tey Nai Peng, Rohani Abd. Razak " Ethnicity and fertility in Malaysia" 1985 --- bincang tentang perbezaan kesuburan pelbagai etnik secara umum di Malaysia.
- 2 - Hamzawi, Riad Amin - " The relationship between female employment and fertility" PhD case Western Reserve University 1982 ----- Tinjauan lebih mendalam ke atas karya beliau tidak dapat dilakukan kerana ketiadaan sumber ini di perpustakaan.
- 3 - Respondennya kebanyakannya terdiri dari orang India ( 80.7% ) 10% pula merupakan golongan Melayu sementara kaum Cina hanya 3.5% saja.
- 4 - Kajian menunjukkan anak lelaki diperlukan dengan tujuan utama untuk " family reason " seperti meneruskan nama keluarga, mewarisi harta dan untuk " ancestor worship ". Sebab lain ialah keinginan mempunyai komposisi keluarga yang ideal yang mengandungi anak lelaki dan anak perempuan diikuti oleh sebab ekonomi ( termasuk jaminan masa tua ). Sementara sebab utama yang diberi untuk dapat anak perempuan ialah komposisi keluarga yang ideal diikuti oleh sebab ekonomi ( membantu menguruskan rumah dan men-

jaga adik ) dan " companionship ".

- LATARBELAKANG KAWASAN KALIAN  
5 - Pinnelli mendefinisikan " work commitment " sebagai " the working mother's feelings about work ".

Dalam upaya untuk mengumpul data dan analisis tentang latarbelakang kawasan kalian, Faedah memelihara anak meliputi kepuasan emosi yang diperolehi dalam membesarkan anak sementara kosnya adalah kekurangan kebebasan, keimbangan dan tekanan. Ganjaran yang didapati dari kerja termasuklah interaksi sosial yang lebih luas dengan masyarakat umum, perangsangan mental, keseronokan, " self-definition " dan " esteem ". Sementara kosnya ialah masalah kesuntukan masa untuk diri dan famili.

## 2.2. ZONASI KALIAN

Rumah-rumah lereh terletak kira-kira 5 kilometer dari pusat Melaka. Ia merupakan salah satu dari projek pembumian kerajaan ketika deuri semasa keperluan dan perintisan teknologi rumah tan rumah di kalangan golongan yang kurang berdaya. Projek ini agak baru dan telah siap dibina pada tahun 1930. Walaupun begitu, perpindahan manak penghuni-penghuni hanya berlaku pada akhir tahun 1936 dengan kos seve 395 sebilan.

Kawasan rumah-pinggir mengalami 4 zon. Blok A dan B dikhususkan untuk kaum Melayu sementara blok C dan D terdiri dari ketiga-tiga bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Penghuni-penghuni di blok C dan D kebanyakannya iaitu lebih kurang 90% terdiri dari

## BAB 3

### LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN, RESPONDEN DAN KELUARGA

#### 3.1 PENGENALAN

Dalam usaha untuk mengumpul data dan maklumat untuk kajian ini, penyelidikan luar telah dijalankan ke atas 30 orang pekerja wanita Cina yang telah berumahtangga serta mempunyai suami dan anak. Pemilihan responden dilakukan di kawasan rumah pangsa Lereh di Melaka yang rata-rata terdiri dari mereka yang mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang rendah.

Bab ini akan memberi penerangan tentang latarbelakang responden, suami dan anak serta faktor-faktor yang menyebabkan mereka keluar bekerja. Sebelum ini, latarbelakang kawasan kajian secara umum akan diuraikan.

#### 3.2 LOKASI KAJIAN

Rumah pangsa Lereh terletak kira-kira 8 kilometer dari pusat Melaka Tengah. Ia merupakan salah satu dari projek perumahan kerajaan Melaka demi memenuhi keperluan dan permintaan terhadap rumah kos rendah di kalangan golongan yang kurang berada. Projek ini agak baru dan telah siap dibina pada tahun 1984. Walau bagaimanapun, perpindahan masuk penghuni-penghuni hanya berlaku pada akhir tahun 1986 dengan kos sewa \$98 sebulan.

Kawasan rumah pangsa mempunyai 4 blok. Blok A dan B dikhaskan untuk kaum Melayu sementara blok C dan D terdiri dari ketiga-tiga bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Penghuni-penghuni di blok C dan D kebanyakannya iaitu lebih kurang 90% terdiri dari

orang Cina. Oleh kerana responden pengkaji hanya dihadkan kepada orang Cina saja, maka kajian luar hanya dijalankan di blok C dan D. Rumah pangsa ini mempunyai 4 tingkat dan setiap blok C dan D mempunyai 56 unit rumah.

Lokasi kawasan kajian ini agak sesuai dan mempunyai pelbagai kemudahan infrastruktur. Pengangkutan jalanraya yang berhampiran memudahkan mobiliti penghuni-penghuni terutamanya yang bekerja untuk berulang-alik dari tempat kerja. Kawasan ini juga mempunyai dua buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Lereh dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Ek Te. Kemudahan pendidikan formal di kawasan ini hanya di peringkat rendah saja. Jadi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah, kebanyak-an penghuni-penghuni akan menghantar anak ke sekolah menengah di bandar. Kemudahan-kemudahan lain termasuklah padang permainan, bekalan air dan elektrik, kemudahan talipon, pejabat pos, kedai runcit dan klinik.

### 3.2.1 PEMILIHAN KAWASAN KAJIAN

Seperti yang sedia maklum, rumah pangsa merupakan tempat tinggal mereka yang kurang kemampuan dan berpendapatan rendah. Oleh kerana sampel pengkaji hanya terdiri dari golongan yang mempunyai taraf sosio-ekonomi yang rendah, maka rumah pangsa Lereh amat sesuai sebagai kawasan untuk mendapatkan responden. Tambahan pula, rumah pangsa blok C dan D kebanyakannya terdiri dari penghuni Cina dan ramai pula wanita Cina yang telah berumah-tangga itu bekerja. Jadi kawasan ini amat mudah bagi pengkaji untuk mendapatkan responden.

Di samping itu, pengkaji adalah penghuni di rumah pangsa ini dan mengenali ramai dari responden. Ini memudahkan pengkaji untuk mendapatkan kerjasama dari responden. Pengkaji dapat menjimatkan kos tambang, masa dan tenaga dan tidak perlu mengadakan perjalanan jauh untuk membuat kajian luar. Pengkaji dengan begitu mudah saja dapat sentiasa berulang-alik untuk menemui responden bila wujud persoalan dalam borong soal-selidik. Sebagai penghuni di kawasan ini, pengkaji dapat tahu sedikit-sebanyak latarbelakang responden dan keluarganya serta keadaan kehidupan sehariannya. Keadaan ini dapat membantu pengkaji semasa menjalankan penyelidikan luar dan dapat menentukan kebenaran tentang apa yang akan diperkatakan oleh responden.

### 3.3 LATARBELAKANG RESPONDEN

#### 3.3.1 UMUR

Responden yang ditemui berada dalam lingkungan umur 22-45 tahun ( Lihat jadual 3.01 ). Mereka yang berada dalam lingkungan umur 26-29 tahun merupakan golongan utama iaitu seramai 9 orang ( 30% ). Ini diikuti oleh peringkat umur 30-33 tahun ( 26.7% ). Hanya 6.7% saja daripada mereka mencapai peringkat umur 42-45 tahun. Corak umur responden jelas menunjukkan bahawa dari segi fizikal dan biologi badan, mereka masih berkemungkinan mengandung. Situasi ini berlaku terutama di kalangan responden yang berumur 20 an dan awal 30 an yang dianggap peringkat umur yang lebih produktif dalam melahirkan anak.

Umur	Bilangan responden	%
22 - 25	3	10.0
26 - 29	9	30.0
30 - 33	8	26.7
34 - 37	4	13.3
38 - 41	4	13.3
42 - 45	2	6.7
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.01 : Taburan umur responden

### 3.3.2 TARAF PELAJARAN

Taraf pendidikan formal responden pada keseluruhan-nya boleh dikatakan agak rendah ( Jadual 3.02 ). Seramai 6.6% daripada mereka tidak berpeluang mendapat pendidikan formal. Kebanyakan responden berpendidikan aliran Cina ke peringkat sekolah rendah saja. Responden yang mempunyai taraf pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu menengah atas kebanyakan terdiri dari mereka yang berada dalam umur 20 an. Masalah ke-wangan, ketiadaan kesedaran tentang kepentingan pelajaran dan ke-kurangan dorongan dari ibubapa yang rata-rata adalah buta-huruf menjadi faktor utama yang menyebabkan taraf pelajaran responden yang rendah.

Namun begitu, pendidikan moden yang diterima oleh responden merupakan salah satu aspek yang sedikit-sebanyak dapat mempengaruhi dan mengubah sikap, nilai dan pemikiran mereka ter-

utama dalam hal kesuburan. Taraf pendidikan juga berkemungkinan mempengaruhi sikap, amalan dan tahap pengetahuan responden terhadap Perancangan Keluarga ( akan dibincangkan dalam bab 6 ).

Taraf pelajaran	Bilangan responden	%
Tidak bersekolah	2	6.6
Sekolah rendah	12	40.0
Menengah rendah	8	26.7
Menengah atas	8	26.7
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.02 : Taraf pelajaran responden

### 3.3.3 PEKERJAAN

Untuk tujuan penyelidikan ini, pekerjaan ditaksirkan sebagai aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh individu-individu di luar rumah yang boleh mendatangkan pendapatan atau upah dalam bentuk wang. Taraf pelajaran yang rendah telah menghadkan peluang kerja yang boleh diceburi. Pekerjaan responden secara umumnya boleh dikelaskan kepada golongan kakitangan ( employee ) dan pekerja sendiri ( own account worker ) dan biasanya tidak memerlukan kelulusan kecuali bagi kerani. Jenis pekerjaan termasuklah pekerja kilang, kerani, pembantu peniaga, pembantu rumah, peniaga, jurujual, pemandu bas dan tukang jahit ( Lihat jadual 3.03 ). Kumpulan kerani terdiri dari mereka yang berpendidikan ke peringkat menengah. Pekerja kilang menjadi komposisi utama. Salah

satu faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku ialah wujudnya peluang-peluang kerja di kilang-kilang kawasan perindustrian Tanjung Kling yang letaknya tidak berapa jauh dari kawasan responden.

Pendapatan sebulan	Bilangan responden	%
Jenis pekerjaan		
<b>1 - Kakitangan/employee</b>		
Pekerja kilang	11	36.7
Kerani	7	23.3
Pembantu rumah/ pembantu peniaga	6	20.0
Jurujual	2	6.7
Tukang jahit	2	6.7
<b>2 - Pekerja sendiri</b>		
Pemandu bas	1	3.3
Peniaga	1	3.3
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100.0</b>

Jadual 3.03 : Jenis pekerjaan responden

Faktor pekerjaan menjadi isu utama dalam mempengaruhi kesuburan di kalangan responden. Sebagai seorang pekerja yang menjalankan kerja-kerja di luar rumah, adalah tidak mungkin bagi-nya untuk melaksanakan sepenuhnya peranan tradisionalnya dalam lingkungan rumah tangga terutama sebagai seorang ibu. Tuntutan peranan dan jangkaan-jangkaan serta masalah yang dihadapi dalam menjalankan tugas-tugasnya secara serentak telah mewujudkan masalah

konflik peranan sebagai seorang pekerja dan ibu. Keadaan ini seterusnya membawa kesan penting ke atas kadar kesuburan responden. ( Perbincangan lanjut akan dikemukakan dalam bab 4 )

Pendapatan sebulan	Bilangan responden	%
Kurang dari \$300	12	40.0
\$300 - 400	12	40.0
\$400 - 500	5	16.7
\$500 - 600	1	3.3
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.04 : Taburan pendapatan sebulan responden

#### 3.3.4 PENDAPATAN

Jadual 3.04 menunjukkan pendapatan responden adalah dalam lingkungan kurang dari \$300 - \$600 sebulan. Ini menunjukkan jurang pendapatan antara yang terendah dengan yang tertinggi tidak begitu besar. Antara 30 orang responden, jumlah tertinggi didapati dalam golongan yang berpendapatan \$300 - \$400 ( 40% ) dan kurang dari \$300 ( 40% ). Hanya seorang responden saja yang berpendapatan \$500 - \$600 sebulan dengan menjalankan perniagaan kantin. Golongan yang berpendapatan kurang dari \$300 sebulan kebanyakannya terdiri dari pekerja kilang dan pembantu rumah.

Pendapatan responden secara keseluruhannya adalah rendah. Ini menyebabkan kemampuan mereka untuk membayar kos " baby-sitting " adalah terhad. Usaha untuk mengurangkan beban

dan belanja " baby-sitting " demi menyumbangkan pendapatan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi keluarga berperanan menyebabkan responden cenderung ke arah menghadkan saiz keluarga.

Umur ( tahun )	Bilangan anak
0 - 2	15
3 - 5	18
6 - 8	13
9 - 11	14
12 - 14	15
15 - 17	5
18 - 21	3
Jumlah	83
Purata	$\frac{83}{30} = 2.77$

Jadual 3.05 : Taburan bilangan anak mengikut umur

#### 3.4 ALIRAN KESUBURAN

Secara keseluruhannya, kebanyakan responden mempunyai bilangan anak antara 1 - 4 orang. Ini menunjukkan keadaan saiz keluarga yang kecil. Purata bilangan anak untuk setiap responden ialah 2.77. Jadual 3.05 jelas menunjukkan kebanyakan anak responden masih kecil dan berada dalam peringkat yang memerlukan penjagaan, didikan dan asuhan. Daripada jumlah 83 orang anak, 18 orang berumur antara 3 - 5 tahun dan 15 orang pula berumur dalam lingkungan 0 - 2 tahun. Kanak-kanak di peringkat pra-sekolah ini

mewujudkan masalah dan tekanan yang paling serius di kalangan ibu yang bekerja. Mereka tidak tahu menjaga diri dan memerlukan penjagaan dan perhatian sepenuhnya dari ibu mereka. Maka responden yang berkeluarga asas terpaksa mendapatkan bantuan dari saudara-mara yang tinggal berdekatan terutama ibu atau menggaji jiran dan kawan untuk menjaga anak mereka semasa mereka bekerja. Responden yang berkeluarga " extended " pula dapat menikmati bantuan dari ahli keluarga sendiri terutama ibu-mertua. Kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan menengah sedikit-sebanyak sudah pandai menjaga diri. Namun begitu, peranan ibu tidak harus diabaikan terutama dalam memberi didikan dan asuhan.

Jarak masa ( tahun )	Kekerapan
1	11
2	19
3	14
4	6
5	2
Lebih dari 5 tahun	2

Jadual 3.06 : Bilangan kelahiran mengikut jarak masa dalam tahun

Jurang antara setiap kelahiran di kalangan responden biasanya berada dalam lingkungan 1 - 3 tahun. Dari jadual 3.06 didapati bahawa kekerapan untuk melahirkan anak paling tinggi

dalam jarak masa 2 tahun. Ini diikuti oleh jarak masa 3 tahun dan 1 tahun. Jarak masa antara kelahiran untuk jangkamasa 5 tahun dan ke atas paling kurang sekali. Amalan Perancangan Keluarga membolehkan responden merancang jarak masa antara kelahiran.

Saiz keluarga ideal	Bilangan responden	%
3	10	33.3
4	17	56.7
6	3	10.0
Jumlah	30	100.0
Purata	$\frac{116}{30} = 3.86$	

Jadual 3.07 : Pendapat responden mengenai saiz

sebutan mereka mengenai keluarga ideal

Iaitu "kecil" dan "besar" ideal.

Pendapat responden mengenai saiz keluarga yang ideal adalah berbeza-beza dari 3 orang anak hingga maksima 6 orang. Dari jadual 3.07 didapati paling ramai responden yang menganggap bilangan anak yang ideal untuk sebuah keluarga ialah 4 orang. 10 daripada 30 orang responden pula anggap 3 orang anak adalah ideal untuk sebuah keluarga sementara hanya 3 orang responden yang berpendapat 6 orang anak paling ideal. Saiz keluarga yang mereka anggap ideal untuk sebuah keluarga adalah selaras dengan pendapat mengenai bilangan anak yang mereka anggap sesuai untuk keluarga mereka. Bilangan anak yang dianggap sesuai untuk sebuah keluarga

secara purata ialah 3.86 orang iaitu di bawah had cadangan Polisi Kependudukan Kebangsaan yang mengkehendaki sebuah keluarga mempunyai 5 orang anak. Ini menunjukkan kecenderungan di kalangan responden untuk mempunyai saiz keluarga yang kecil. Berbanding dengan purata bilangan anak iaitu 2.77 maka boleh dinyatakan bahwa secara keseluruhannya, kebanyakan responden belum lagi mencapai saiz keluarga idaman mereka.

Dari segi jantina, mereka inginkan kombinasi jantina yang samarata. Bagi golongan yang ingin mempunyai 3 orang anak saja, mereka lebih cenderung dan gemar mempunyai 2 orang anak lelaki dan seorang perempuan berbanding dengan kombinasi seorang lelaki dan 2 perempuan. Kejantinaan anak ( sex preference ) akan dibincangkan dalam bab terkemudian dalam melihat kaitan antara nilai budaya Cina dan kesuburan. Tiada seorang responden yang ingin mempunyai satu atau dua orang anak saja. Ini mungkin disebabkan mereka menganggap saiz keluarga sedemikian adalah terlalu " kecil " dan tidak ideal.

#### 3.4.1 TEMPOH PERKAHWINAN DAN ALIRAN KESUBURAN

46.7% daripada responden berkahwin semasa berada dalam lingkungan umur 18 - 21 tahun. Ini diikuti oleh 43.3% yang berkahwin semasa berumur 22 - 25 tahun. Dari jadual 3.08 maka dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden berkahwin semasa dalam peringkat umur 20 an. Hanya seorang saja yang berkahwin pada umur kurang dari 18 tahun.

Umur semasa berkahwin ( tahun )	Bilangan responden	%
Kurang dari 18	1	3.3
18 - 21	14	46.7
22 - 25	13	43.3
26 - 29	2	6.7
Jumlah	30	100.0

Tempoh berkahwin

Bilangan responden

Purata anak

Jadual 3.08 : Taburan umur responden

Kurang dari 5

semasa berkahwin

5 - 7

7 - 9

9 - 11

11 - 13

13 - 15

15 dan ke atas

Tempoh perkahwinan ( tahun )	Bilangan responden	Bilangan anak	Purata bilangan anak per responden
Kurang dari 5	6	9	1.5
5 - 10	10	23	2.3
10 - 15	7	22	3.2
15 dan ke atas	7	30	4.3

Jadual 3.09 : Penyebaran bilangan responden

mengikut tempoh perkahwinan dan

purata bilangan anak ( termasuk

yang telah meninggal dunia )

Telah diperoleh sebanyak 30 responden yang berkahwin selama 5 - 15 tahun.

Jadual 3.09 menunjukkan penyebaran bilangan responden untuk setiap peringkat tempoh perkahwinan agak seimbang. Seramai 10 orang responden telahpun berkahwin selama 5 - 10 tahun.

Bilangan anak secara purata bertambah ramai dengan meningkatnya tempoh perkahwinan. Purata bilangan anak untuk 6 orang responden yang telah berkahwin selama kurang dari 5 tahun ialah 1.5 orang. Sementara untuk responden yang mempunyai tempoh perkahwinan selama 15 tahun dan ke atas, purata bilangan anak ialah 4.3 orang.

Tempoh bekerja (tahun)	Bilangan responden	Purata anak
Kurang dari 5	14	1.2
5 - 7	8	1.4
7 - 9	3	1.0
9 - 11	1	2.0
Lebih dari 11	4	3.5

Jadual 3.10 : Penyebaran responden mengikut tempoh bekerja dan purata kadar kesuburan

#### 3.4.2 TEMPOH BEKERJA DAN ALIRAN KESUBURAN

Jadual 3.10 pula menunjukkan lebih kurang separuh dari responden telah bekerja dalam tempoh masa kurang dari 5 tahun. Dalam tempoh masa bekerja ini, purata kadar kesuburan ialah 1.2 orang. Bagi responden yang telah bekerja untuk tempoh masa yang lebih lama iaitu 11 tahun dan ke atas, purata kadar kesuburan ialah 3.5

### 3.5 JENIS KEKELUARGAAN

Ada dua jenis sistem kekeluargaan yang didapati iaitu keluarga asas dan keluarga luas. 63.3% daripada keluarga responden merupakan keluarga asas yang terdiri dari responden dengan suami dan anak. Salah satu faktor yang memungkinkan keluarga asas menjadi bentuk kekeluargaan yang utama ialah keadaan fizikal rumah yang mempunyai ruangan yang terhad dan sempit tidak dapat menampung bilangan ahli keluarga yang ramai ( Lihat Jadual 3.11 ). Masalah penjagaan anak lebih ketara dihadapi oleh responden yang berkeluarga asas. Mereka terpaksa mendapatkan pertolongan terutama dari ibu yang tinggal berdekatan atau mengupah jiran dan kawan untuk menjaga anak semasa bekerja.

Keluarga luas merupakan satu ikatan kekeluargaan yang mengandungi suami-isteri dan anak, ibubapa dan lain-lain ahli keluarga yang rapat seperti adik-beradik dari kedua pihak suami-isteri. Keluarga luas responden biasanya terdiri dari ibubapa-mertua responden dengan adik-beradik sebelah suaminya ( 30% ). Ibubapa dan adik-beradik responden jarang tinggal bersama dengan responden ( 6.7% ) kerana telah menjadi satu tradisi di kalangan masyarakat Cina bahwa anak perempuan yang berkahwin akan berpindah ke sebelah suaminya.

Responden yang berkeluarga luas dapat menikmati kerjasama dan bantuan dari ahli keluarga dalam hal pengurusan rumah tangga dan penjagaan anak. Keadaan ini lebih memudahkan dan membolehkan mereka untuk keluar bekerja.

Jenis kekeluargaan	Bilangan responden	%
<u>Keluarga asas</u>	19	63.3
<u>Keluarga luas</u>		
- Ibu bapa-mertua dan adik-beradik suami	9	30.0
- Ibu bapa dan adik-beradik responden	2	6.7
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.11 : Penyebaran responden mengikut jenis kekeluargaan

Umur	Bilangan	%
22 - 25	1	3.3
26 - 29	3	10.0
30 - 33	10	33.4
34 - 37	5	16.7
38 - 41	4	13.3
42 - 45	7	23.3
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.12 : Taburan umur suami

### 3.6 LATARBELAKANG SUAMI

#### 3.6.1 UMUR

Dari jadual 3.12 didapati kebanyakan suami responden

telah mencapai umur 30 dan ke atas. Hanya 4 orang saja yang masih dalam peringkat umur 20 an. Paling ramai di kalangan mereka yang berumur antara 30 - 33 tahun ( 33.4% ).

### 3.6.2 TARAF PELAJARAN

Seperti dengan keadaan responden, taraf pelajaran suami pada keseluruhannya juga rendah. Kebanyakan berpendidikan formal aliran Cina ke peringkat darjah enam saja ( 40% ). 30% pula berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah rendah dan 20% lagi ke tahap memengah atas. 6.7% pula tidak berpeluang mendapat pendidikan formal ( Lihat jadual 3.13 ).

Taraf pelajaran	Bilangan	%
Tidak bersekolah	2	6.7
Sekolah rendah	12	40.0
Menengah bawah	9	30.0
Menengah atas	6	20.0
Lain-lain	1	3.3
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.13 : Taburan taraf pelajaran suami

### 3.6.3 PEKERJAAN DAN PENDAPATAN

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.14 pekerjaan suami responden adalah berbagai-bagai. Tingkat pendapatan pula berbeza-beza dari yang paling rendah iaitu \$300 sebulan kepada

yang tertinggi iaitu \$700 dan ke atas. Walau bagaimanapun, kebanyakannya dari mereka berpendapatan \$400 - \$500 sebulan. ( Jadual 3.15 ) Situasi ini yang menjadi pendorong utama responden bekerja. Kedudukan ekonomi keluarga yang rendah juga telah menghadkan keupayaan responden untuk menampung bilangan anak yang ramai.

\$700 dan ke atas	2	6.7
Jumlah	30	100.0

Jenis pekerjaan	Bilangan	%
Buruh kasar	8	26.7
Peniaga / pembantu peniaga	7	23.3
Mekanik	3	10.0
Pemandu bas / lori	3	10.0
Kerani	3	10.0
Kerja am	2	6.7
Pembantu pejabat	2	6.7
Nelayan	1	3.3
Jurujual	1	3.3
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.14 : Taburan pekerjaan suami

Keluarga, mereka sanggup bekerja bekerja. Pendapatan mereka sedikit-sedikit dapat membantu dalam menampung keperluan keluarga. 23 daripada 30 orang responden yang ditemui bekerja akibat faktor ekonomi ini.

Banyak 7 orang responden yang bekerja demi untuk keluasan diri. Mereka ingin berdiri terutama dari segi keuangan (financially independent ). 50 orang tidak ada terlalu bergantung

Pendapatan sebulan	Bilangan	%
\$300 - 400	5	16.7
400 - 500	13	43.3
500 - 600	6	20.0
600 - 700	4	13.3
\$700 dan ke atas	2	6.7
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.15 : Taburan pendapatan suami

### 3.7 SEBAB-SEBAB BEKERJA

Faktor ekonomi menjadi pendorong utama yang menyebabkan responden bekerja. Sullerof ( 1971 ) menyatakan bahwa :-

" Women have become slowly aware that if they wish to contribute to the well being of their families, the best way to do so is to become wage-earners. Being attached to housework alone does not increase the standard of living of the family. "

( Hairi Abdullah 1984 : 150 )

Jadi sebagai satu cara untuk meninggikan taraf hidup keluarga, mereka sanggup keluar bekerja. Pendapatan mereka sedikit-sebanyak dapat membantu dalam menampung keperluan keluarga. 23 daripada 30 orang responden yang ditemui bekerja akibat faktor ekonomi ini.

Hanya 7 orang responden yang bekerja demi untuk kepuasan diri. Mereka ingin berdikari terutama dari segi kewangan ( financially independent ). Mereka tidak mahu terlalu bergantung

kepada suami. Ada di kalangan mereka yang bekerja semata-mata kerana mereka lebih suka bekerja berbanding dengan menguruskan hal-hal rumah tangga. Mereka ingin mengisi masa lapang dan mengelakkan rasa bosan di rumah. Mereka rasa diri terkongkong sekiranya mereka berada di rumah saja. Melalui pekerjaan, mereka akan memperolehi kebebasan dan rasa diri lebih berguna dan berbolehan dalam memperbaiki kedudukan ekonomi keluarga.

Pada dasarnya, wanita Cina ini bekerja bukan untuk satu-satu motif saja tetapi satu kombinasi pelbagai motif. Akibat dari kedudukan sosio-ekonomi keluarga yang rendah, faktor ekonomi yang menjadi penentu utama mendorong mereka bekerja.

Hampir setengah dari responden tidak dapat menentukan bila ia akan berhenti bekerja dan terserah kepada keadaan semasa. Hanya 16.6% saja yang bercadang untuk meneruskan kerjanya sehingga mencapai peringkat umur untuk bersara. Tidak kurang pula di antara mereka yang ingin berhenti kerja apabila kedudukan ekonomi suami bertambah baik dan stabil ( 36.7% ). Mereka berharap perubahan ini akan berlaku pada suatu hari nanti dan tidak lagi perlu bagi mereka untuk keluar bekerja.

-----  
"According to Chinese traditional institutionalized Confucianism, official orthodoxy, to which the Chinese have relegated the Confucian ideal, is the virtue of a learned human being, deprived of all personal liberties."  
( Igilcain, L.B. & Rose, R. 1976 : 365 )

Doctrin Confucian mengandungi berbagai-bagai norma-norma sosial yang menuntun individu untuk wajib dan seberi pada

## BAB 4

### KONFLIK PERANAN DAN KESUBURAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab ini akan didahului dengan huraian tentang kedudukan wanita Cina zaman tradisional, perubahan dan peluasan peranan wanita kini. Seterusnya perbincangan akan ditumpukan kepada jenis masalah atau konflik peranan yang dihadapi oleh mereka sebagai seorang pekerja dan ibu serta cara-cara penyesuaian dalam memenuhi kedua-dua peranan. Dari huraian ke atas penemuan-penemuan kajian, maka suatu analisa akan dibuat untuk menentukan sejauhmana konflik peranan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kadar kesuburan pekerja-pekerja wanita Cina.

#### 4.2 WANITA CINA ZAMAN TRADISIONAL DAN PERUBAHAN PERANAN

Kedudukan ideal wanita Cina dalam sistem sosial banyak dipengaruhi oleh ideologi Confucius ( Con Fu Tze ), seorang sarjana terkenal yang hidup dalam lingkungan 551 c. - 479 b.c. Ideologinya banyak dipraktikkan dan malah telah diserap ke dalam budaya Cina.

" Succesive Chinese dynasties institutionalized Confucianism as official orthodoxy, to consolidate their feudal autocratic rule. They applied moral code that relegated the Chinese women to the status of a lesser human being, deprived of all personal liberties. "  
( Iglitzin, L.B. & Ross, R. 1976 : 346 )

Doktrin Confucian mengandungi berbagai-bagai norma sosial yang menentukan kedudukan wanita dan memberi panduan

tentang cara-cara mereka harus berkelakuan. Antara norma-norma sosial yang terkenal ialah "Three cardinal guides and five constant virtues" dan " Three obediences and four virtues ".  
( Wai-Kin Che 1979 : 28 )

#### A - " THREE CARDINAL GUIDES AND FIVE CONSTANT VIRTUES "

" Three cardinal guides " bermaksud " the sovereign guides the minister; the father guides the son; the husband guides the wife ". Malah menurut Mencius, seorang pengikut Confucius :-

" Man dispenses and women accepts  
--- do not disobey your husband  
because the rule for women is to  
look upon compliance as their  
correct course ".

( Iglitzin, L.B. & Ross, R. 1976 : 346 )

Wujud pandangan sedemikian adalah akibat dari amalan ideologi " Patriarkal " yang berasaskan kepercayaan dalam superioriti lelaki dan inferioriti wanita.

" Five constant virtues " mengkehendaki seorang wanita bersifat " benevolence, righteousness, propriety, wisdom and fidelity " agar menjadi wanita yang sempurna.

#### B - " THREE OBEDIENCES AND FOUR VIRTUES "

Menurut prinsip " Three obediences ", seorang wanita harus patuh kepada ayah dan abang semasa kecil, suami semasa berkahwin dan anak lelaki bila menjadi janda . Oleh yang demikian, lingkaran hidup wanita Cina sentiasa di bawah kawalan dan kekuasaan lelaki.

" The four virtues " terdiri dari " women's virtues,

speech, appearance and work ". ( Wai-Kin Che 1979 : 28 ) Ia mengkehendaki seorang wanita :-

- 1 - menyedari tentang kedudukannya dan bertindak serta berkelakuan menurut kod-kod etika;
- 2 - menghindarkan diri dari bermulut-murai / loquaciousness dan membosankan orang lain;
- 3 - menghias diri untuk menyenangkan hati suami;
- 4 - menjalankan kerja-kerja rumah tangga dengan rela dan mahir.

Wanita Cina sejak lahir menghadapi diskriminasi, hidup tertekan dan tidak mempunyai kebebasan. Seorang wanita jarang dibenarkan keluar dari rumah. Situasi ini diperhebatkan lagi dengan ketiadaan peluang dalam pendidikan dan ekonomi. Anak lelaki diberi keutamaan dalam pendidikan. Ideologi Confucius menyatakan bahwa :-

" In women, lack of talent is itself a virtue ".  
( Iglitzin, L.B. & Ross, R. 1976 : 346 )

Pandangan sedemikian semata-mata untuk mengekalkan wanita dalam keadaan jahil dan menghalang mereka melencung dari norma-norma sosial. Tambahan pula munurut Lebra, J. & Paulson, J. :-

" Many parents believe that giving their daughter the same educational opportunities as their son is futile as girls will inevitably marry and become housewives and mothers ".  
( 1980 : 110 )

Oleh itu, wanita sejak kecil lagi diajar menguruskan kerja-kerja rumah bagi menyediakannya menjadi seorang isteri dan

anak-mertua yang cekap dan taat.

Seorang wanita Cina jarang dibenarkan menjalankan kerja-kerja produktif untuk kebebasan ekonomi. Lelaki bertindak sebagai pencari nafkah dan bertanggungjawab ke atas kehidupan keluarganya. Lantaran itu, wanita dikongkong untuk bergantung sepenuhnya kepada keluarga.

Setelah kahwin, seorang isteri / "nei-ren" (humans for inside) menurut Confucionism :-

" destined only for housework and reproduction ".  
( Kristeva, J. 1977 : 75 )

Seorang isteri diberi tanggungjawab menjalankan hal-hal rumahtangga seperti mengurus, memasak, mendidik anak, melayan suami dan ibu-mertua. Peranan wanita dalam ruang "domestic" berterusan sebagai satu kebiasaan dan diterima oleh masyarakat sebagai satu aspek budaya. Malah masyarakat mempunyai tanggapan bahawa wanita hanya sesuai dengan kerja-kerja rumahtangga. Semen-tara itu, kerja-kerja rumahtangga dianggap tidak patut dilakukan oleh lelaki. Ia akan mencemarkan personaliti lelaki sebagai golongan yang superior dan berwibawa, hilang maruah dan dianggap kekurangan sifat kelelakian.

Wanita dengan sifat-sifat fizikal dan biologi telah diwujudkan dengan segala bentuk tubuh-badan yang sesuai dan dipertanggungjawabkan dalam tugas pembiakan manusia. Sifat biologi wanita dan norma-norma masyarakat telah menetapkan peranan wanita bermula dan berakhir dalam lingkungan rumahtangga dengan kedudukan

mula-mula sebagai anak, kemudian sebagai isteri dan ibu.

Huraian di atas jelas menunjukkan budaya telah memberi hak, superior dan kewibawaan kepada pihak lelaki.<sup>1</sup> Lantaran itu, wanita tidak mempunyai suara dalam segala aspek hidup dan bersifat menyerah dan patuh di bawah kewibawaan lelaki. Walau bagaimanapun, sifat-sifat personaliti di atas hanya merupakan yang ideal semata-mata dan tidak dapat diapplikasikan sepenuhnya kepada masyarakat Cina masa kini.

#### 4.2.1 PENGARUH PENDIDIKAN DAN PERUBAHAN

Pengaruh pendidikan formal yang berdasarkan kepada nilai-nilai barat dan tidak lagi jenis pendidikan tradisi telah dapat mengubah keadaan dan kedudukan wanita kini dalam keluarga dan dalam masyarakat secara umum.<sup>2</sup> Pendidikan moden yang lebih bersifat liberal berbanding dengan pendidikan Cina tradisi yang terpengaruh dengan nilai budaya Cina yang berdasarkan ajaran Confucius,<sup>3</sup> telah membawa wanita kini ke arah emansipasi.

Pendidikan formal telah membawa kepada kemahiran dan ilmu pengetahuan. Ini menyebabkan wanita kini lebih beraspirasi dan mementingkan kerjaya. Sifat ketergantungan kepada keluarga beransur-ansur runtuh dan wujudnya sifat-sifat peribadi yang berdikari dan bebas. Ini bermakna hidup wanita tidak lagi berkisar dalam ruang " domestic " tetapi mulai meluas ke ruang awam. Akibat dari perubahan ini, didapati wanita kini mulai memasuki bidang pekerjaan bukan tradisi yang berada di luar dari rumah-tangga. Malah mereka telah menjadi sebahagian daripada tenaga buruh yang diperlukan oleh negara.

#### 4.3 KONFLIK PERANAN DAN CARA PENYESUAIAN

Walaupun pekerjaan telah mengubah keadaan wanita dari ruang " domestic " ke ruang awam, namun tugas mereka dalam " domestic " telah menjadi satu bentuk budaya atau kebiasaan yang tidak dapat dipisahkan dari diri mereka. Dalam semua kelas sosial, memang tidak dapat disangkal bahwa peranan ibu lebih mendapat sanjungan dan ganjaran sosial. Sikap ini masih lagi menjadi pegangan di kalangan masyarakat Cina masa kini. Masyarakat Cina masih menganggap seorang ibu atau isteri yang sempurna ialah seorang yang dapat menunaikan tanggungjawabnya dalam hal-hal " domestic ". Menurut Killian ( 1971 ) :-

" Strong demand are placed on working women ".  
( Hairi Abdullah 1984 : 150 )

Jangkaan ini menyebabkan wanita yang bekerja tidak dapat melepaskan diri dari peranan tradisionalnya. Pekerjaan telah membawa kepada peluasan peranan wanita. Di samping sebagai seorang ibu, mereka juga memegang peranan sebagai pekerja.

Berdasarkan penemuan-penemuan kajian, didapati bahawa bagi kebanyakan responden, perlaksanaan dua peranan iaitu sebagai ibu dan pekerja sekaligus merupakan suatu urusan yang serius dan menimbulkan tekanan dan ketegangan. Mereka mendapati sukar untuk memenuhi tuntutan peranan yang telah ditentukan oleh masyarakat dari segi tingkahlaku yang wajar dan yang diharapkan daripada seorang yang menduduki status tertentu.

Perlaksanaan kedua-dua peranan sebagai ibu dan pekerja

berkonflik dari segi masa dan tempat. Mereka menghadapi masalah berada di dua tempat pada masa yang sama atau melaksanakan dua tugas pada masa yang sama. Walaupun pekerjaan telah mengubah keadaan mereka dalam ertikata mereka dapat berdikari dari segi ekonomi tetapi struktur formal di tempat kerja telah mengongkong mereka. Mereka harus mematuhi peraturan-peraturan di tempat kerja seperti berada di tempat kerja pada masa yang telah ditetapkan, tidak boleh balik atau mengambil cuti sesuka hati untuk menyusukan anak atau merawat anak yang sakit. Mereka harus memenuhi tanggungjawab mereka terhadap majikan dan tugas mereka. Seperti kata seorang responden :-

" Saya rasa sukar hendak pergi bekerja bila anak saya sakit, saya sentiasa bimbang dengan keadaan anak saya bila berada di tempat kerja ".

Jadi permintaan terhadap peranannya sebagai seorang ibu yang diperlukan pada masa tertentu tidak dapat dipenuhi secara otomatik. Mereka tidak dapat bersama dengan anak mereka ketika anak sangat memerlukan mereka.

Responden juga menghadapi dilema tentang peranan mana yang harus diberi keutamaan. Mereka mempunyai tenaga dan keupayaan yang terhad untuk melaksanakan setiap peranan itu. Bagi mereka, tugas sebagai seorang pekerja dan ibu adalah sama penting dan tidak dapat diabaikan. Melalui kerja, mereka dapat memperolehi pendapatan dan kepuasan tetapi dari segi lain, mereka tidak seharusnya mengurangkan tanggungjawab dalam keluarga terutama sebagai seorang ibu.

Masalah kesuntukan masa merupakan punca utama menjadikan konflik. Sebahagian dari masa siang responden telah dihabiskan untuk kerja ( 6-10 jam ). Masa yang diluangkan untuk keluarga adalah terhad pada waktu-waktu selepas kerja dan cuti am. Masalah kesuntukan masa lebih serius terutama di kalangan pekerja-pekerja kilang. Sungguhpun waktu kerja mereka adalah 8 jam sehari tetapi mereka sering kerja lebih masa pada hari-hari biasa dan kadang-kadang juga bekerja pada hari-hari Ahad. Mereka sanggup kerja lebih masa demi meninggikan lagi hasil pendapatan mereka.

Kebanyakan responden berpendapat dengan mempunyai anak adalah menjadi satu masalah bagi mereka untuk keluar bekerja. Keadaan ini berlaku terutama di kalangan responden yang mempunyai anak-anak yang masih kecil di peringkat pra-sekolah. Kanak-kanak di peringkat umur ini tidak tahu menjaga diri dan perlukan perhatian sepenuhnya dari pihak lain. Usaha untuk mencari penjaga atau " baby-sitter " yang sesuai dan boleh diharapkan adalah suatu masalah besar kepada ibu-ibu yang bekerja. Kawasan responden tidak mempunyai institusi khas yang menyediakan kemudahan pengasuhan. Jadi responden terpaksa mendapatkan pertolongan ahli keluarga, saudara-mara perempuan atau menggaji orang lain untuk menjaga anak mereka.

Pola penjagaan dan pengasuhan anak yang paling biasa di kalangan responden ialah dengan mengagihkan tanggungjawab menjaga anak kepada ahli keluarga atau saudara-mara perempuan yang tinggal berdekatan. Ibu-mertua dan ibu responden terutamanya yang bertugas sebagai " mother-substitutes ". Situasi ini jelas

menunjukkan wujudnya perubahan nilai-nilai masyarakat Cina di mana ibu-mertua tidak lagi mengharapkan layanan dari anak-mertua dan tiada lagi kekuasaan memberi perintah agar anak-mertua mematuhi. Hubungan antara ibu-mertua dan anak-mertua tidak begitu rigid dan penuh konflik seperti dalam keluarga tradisional. Malah ibu-mertua masa kini sanggup membantu dalam menjalankan kerja-kerja rumah dan menjaga cucu.

Bagi responden yang tidak dapat menikmati bantuan perkhidmatan dari saudara-mara dan ahli keluarga, maka mereka terpaksa mengupah jiran-jiran atau kawan-kawan untuk menjaga anak mereka. Mereka mampu untuk membayar kerana upah untuk menjaga anak adalah murah iaitu dalam lingkungan \$80 - 120 sebulan.

Jadi sebagai seorang pekerja, pengagihan tanggung-jawab menjaga anak kepada pihak lain yang bertugas sebagai "mother-substitutes" merupakan jalan utama bagi mereka demi menyesuaikan atau membolehkan mereka memainkan kedua-dua peranan serentak pada masa yang sama. Mereka bersepakat bahwa adalah tidak menjadi masalah bagi mereka untuk keluar bekerja jika anak mereka mendapat jagaan sempurna oleh "mother-substitutes".

Bagi kanak-kanak di peringkat sekolah rendah, jangka-masa ibu berada di tempat kerja kadang-kadang melewati masa anak berada di sekolah. Jadi responden terpaksa mengatur untuk mendapatkan pertolongan jiran-jiran, kawan atau saudara-mara untuk memerhatikan anak mereka. Sekiranya aturan ini tidak dapat dilakukan, maka anak terpaksa ditinggalkan berseorangan di rumah.

Pola pengasuhan dan penjagaan anak oleh ahli keluarga

atau saudara-mara merupakan suatu perkara lumrah di kalangan masyarakat membangun. Walau bagaimanapun, idea bahwa " it is an accepted custom that older daughters take care of younger siblings " tidak lagi begitu dipraktikkan oleh masyarakat Cina kini memandangkan anak perempuan pada zaman moden ini berpeluang mendapat pendidikan formal dan tidak begitu terkongkong dalam rumahtangga seperti zaman ibu dan nenek mereka.

Tugas penjagaan fizikal, memberi makan-minum, pelajaran dan didikan tidak lagi merupakan tugas ibu sepenuhnya. Tugas-tugas ini sedikit-sebanyak diambilalih oleh " mother-substitutes ". Penjagaan fizikal seperti kebersihan serta makan-minum lebih banyak diserahkan kepada " mother-substitutes " memandangkan sebahagian besar dari masa siang telah digunakan oleh ibu di tempat kerja.

Dalam usaha untuk menyesuaikan diri kepada kedua-dua peranan ini, mereka perlu merencana dan mengorganisasikan masa dengan lebih baik. Mereka menghadkan masa tertentu untuk peranan tertentu dan mengaturkan prioriti di antara tugas-tugas mana yang harus dimainkan. Kerja-kerja rumahtangga juga dirancang dengan baik. Sebelum pergi kerja, biasanya mereka akan menyediakan sarapan pagi untuk suami serta menyiapkan anak-anak yang perlu ke sekolah. Kadang-kadang sarapan petang turut disediakan. Seperti kata seorang responden :-

" Saya tidak mampu menggaji pembantu rumah untuk menguruskan kerja-kerja rumah dan memasak. Jadi biasanya saya akan menyediakan sarapan petang sebelum pergi kerja. Bila anak saya

balik dari sekolah, anak perempuan saya yang tua akan memanaskan masakan untuk diri dan adiknya ".

Bagi responden yang berkeluarga asas dan mempunyai anak kecil di peringkat pra-sekolah, pada waktu pagi, mereka akan menghantar anak mereka kepada saudara-mara perempuan atau jiran-jiran yang berdekatan. Mereka akan membawa balik anak selepas balik dari kerja. Selepas menguruskan kerja-kerja rumah seperti memasak dan mencuci, maka mereka akan berehat dan bersama-sama dengan anak mereka. Kadang-kadang mereka rasa letih untuk menguruskan segala kerja-kerja rumah selepas balik dari kerja.

Menurut seorang responden :-

" Bila saya balik dari kerja, saya hanya memasak dan membuat kerja-kerja yang difikirkan perlu dilakukan. Selepas itu, saya akan meluangkan masa mengajar anak saya membuat kerja-kerja sekolah. Kerja mengemas rumah dan mencuci baju tidak dilakukan setiap hari, kadang-kadang dilakukan 2 atau 3 hari sekali ".

Konflik yang dialami oleh responden yang berkeluarga luas tidak begitu serius berbanding dengan responden yang berkeluarga nuklear. Ibu-mertua terutamanya yang tinggal bersama menolong menjaga anak dan menjalankan kerja-kerja rumah.

Pembahagian tugas antara suami-isteri yang bekerja dalam keluarga juga penting dalam mempengaruhi tahap konflik seorang ibu yang bekerja. Menurut Safilios-Rothschild :-

" Women's working role may increasingly become compatible with the mother

role as the father start playing his role as a active parental role ".  
( Kupinsky, S. 1977 : 361 )

Walaupun dari maklumat-maklumat yang diperolehi memang memperlihatkan pembahagian tugas antara suami-isteri tetapi sebahagian besar dari tugas-tugas seperti memasak, mencuci, menjaga dan mengasuh anak masih diserahkan sewenang-wenangnya kepada isteri walaupun ia mempunyai pekerjaan tetap di luar rumah. Ini menunjukkan penjagaan dan pengasuhan anak terutama semasa bayi masih merupakan tugas wanita. Suami hanya rata-rata bermain-main bersama dan membawa anak keluar bersiar-siar. Jadi kerja-kerja rumah tangga yang disifatkan sebagai "kerja perempuan" mengikut nilai-nilai tradisional akan membawa "malu muka" dan dianggap mencemarkan sifat kelelakian sedikit-sebanyak masih lagi mempengaruhi lelaki masa kini. Ini berlaku terutama di kalangan mereka yang lebih berpemikiran kuno dan ingin mempertahankan superioriti lelaki.

Apa yang anda lakukan semasa anak sakit	Bilangan	%
- ambil cuti bawa anak ke klinik	5	16.7
- minta suami bawanya ke klinik	16	53.3
- minta "baby-sitter" bawanya ke klinik	2	6.7
- lain-lain	7	23.3

Jadual 4.01 : Tindakan responden semasa anak sakit

Semasa anak sakit, biasanya suami yang membawanya ke

klinik. Mereka akan berbuat demikian hanya selepas mereka balik dari kerja. Suami jarang ambil cuti untuk merawat anak yang sakit. Dari jadual 4.01 didapati 16.7% dari responden yang mengambil cuti untuk membawa anak ke klinik semasa anak sakit.

Dari huraian-huraian di atas, maka didapati bahawa konflik memang dialami oleh responden akibat seperti yang telah dinyatakan oleh Francine S. Hall & Douglas T. Hall bahwa :-

" the demands, expectations, responsibilities and pressure that other people impose on us in any given role; our own perceptions of what we think we ought to be doing in that role; and our behaviour - how we act, consciously or unconsciously ".  
( 1979 : 75 )

Responden tidak dapat memenuhi tuntutan peranan dan jangkaan masyarakat Cina berhubung dengan tingkahlaku yang wajar yang harus dilakukan oleh seseorang yang menduduki status tertentu. Cara yang digunakan untuk mengatasi masalah ini ialah dengan kaedah " role-redefinition ". Salah satu pendekatan dari kaedah ini yang telah digunakan oleh responden ialah dengan cara menyebarluaskan tugas-tugas kepada orang lain atau berkongsi bersama orang lain.

Konflik kedua ialah berkaitan dengan konsepsi seseorang berhubung dengan peranan mana yang harus dimainkan. Tindak-balas kepada masalah ini ialah dengan carac " personal re-orientation " iaitu dengan mengatur prioriti di antara peranan-peranan yang harus dilakukan. Contoh bila anak sakit, maka ia akan mengambil cuti untuk membawa anak ke klinik. Di sini, ke-

utamaan diberi kepada anak di mana sifat keibuan lebih penting berbanding dengan pekerjaan.

Cara lain ialah dengan memisahkan kedua-dua peranan sebagai ibu dan pekerja. Contoh dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang ibu, ia akan menaruh sepenuh perhatian terhadap tugasnya, hal-hal pejabat tidak dibawa ke dalam rumah tangga. Di samping itu, responden juga mengambil pendirian bahawa konflik peranan adalah satu kenyataan yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan. Ia cuma berharap konflik akan dikurangkan dari masa ke masa.

" Role-redefinition dan personal re-orientation " merupakan cara mengurangkan konflik peranan yang bersifat " proactive " di mana responden cuba " reshaping " permintaan atau tuntutan yang dikenakan ke atas mereka samada oleh orang lain atau oleh diri mereka sendiri.

Strategi penyesuaian konflik peranan yang lain ialah " reactive-role-behaviour " dengan andaian tuntutan atau kehendak dari satu-satu peranan itu tidak dapat diubah. Individu terpaksa mencari jalan untuk memenuhi peranan yang diharapkan dengan cara membuat jadual, merencana dan mengorganisasikan masa dengan cekap; melakukan setiap kerja atau peranan secara bergilir-gilir; bekerja kuat dengan menggunakan lebih masa dan tenaga agar setiap peranan yang dijangkakan dapat dilakukan.

Ketiga-tiga strategi penyesuaian ini yang dikemukakan oleh Francine S.H. & Douglas T.H. ( 1979 ) telah digunakan oleh responden untuk mengatasi masalah konflik.

#### 4.4 HUBUNGAN KONFLIK PERANAN DAN KESUBURAN

Istilah kesuburan ( fertility ) merujuk kepada :-

" the actual birth performance measured on the basic of live-birth ".

( Malaysian Fertility & Family Survey 1974 : 72 )

Dari perbincangan-perbincangan yang lalu, melalui pelbagai usaha penyesuaian, konflik peranan yang dialami oleh responden sedikit-sebanyak dapat dikurangkan. Namun di sebalik dari cara penyesuaian ini, wujud pelbagai masalah.

Responden berpendapat bahwa adalah tidak munasabah bagi seorang ibu yang bekerja untuk mempunyai bilangan anak yang ramai. Ini disebabkan mereka perlu membayar lebih untuk " babysitter ". Data-data yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa 80% daripada responden mempunyai pendapatan bulanan yang agak rendah iaitu dalam lingkungan kurang dari \$300 - \$400 sementara kos " baby-sitting " untuk seorang anak adalah antara \$80 - \$120 sebulan ( sila rujuk kembali jadual 3.04 ). Dalam situasi ini, jika dibandingkan jumlah pendapatan bulanan yang tertinggi iaitu \$400 dengan kos " baby-sitting " yang terendah iaitu \$80, maka didapati perbelanjaan untuk " baby-sitting " meliputi 20% dari pada pendapatan responden. Bilangan anak yang ramai akan menyebabkan sebahagian besar dari pendapatan dibelanjakan untuk " baby-sitting ". Jadi kos " baby-sitting " adalah tidak setimpal dengan pendapatan mereka yang rendah. Ini akan menyebabkan matlamat utama mereka bekerja untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi keluarga tidak akan tercapai. Situasi ini adalah selaras

dengan pendapat Becker ( 1960 ) dan Mincer ( 1963 ) yang melihat anak sebagai satu " consumer durable ". ( Kupinsky, S. 1977:204 )

Golongan responden yang anaknya di bawak jagaan ahli keluarga lain menyedari bahwa " baby-sitter " tidak sesuai sebagai agen sosialisasi anak mereka. Mereka tidak boleh mengharapkan sangat " baby-sitter " untuk mendidik anak mereka. Apa yang dilakukan oleh " baby-sitter " hanya sekadar memberi perlindungan, makanan dan kebersihan kepada anak mereka. Apa yang diperlukan oleh seorang kanak-kanak bukan setakat itu saja tetapi juga meliputi kasih-sayang, peransangan mental dan didikan demi untuk membesar dengan sempurna. Maka jika mereka mempunyai anak yang ramai, masalah kesuntukan masa yang mereka hadapi mungkin menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya untuk setiap anak dan tidak dapat memberi didikan dan asuhan yang sempurna. Menurut mereka, keadaan ini mungkin akan menyebabkan anak mereka menghadapi masa depan yang gelap dan kelak mewujudkan pelbagai masalah sosial.

" Lacking inadequate child care in quality can be serious repercussions on family health and nutrition, while social deprivation has a major influence on child development ".  
( Robert O.W. & Pauline W. 1982 : 193 )

Bagi responden yang mendapat bantuan ahli keluarga sendiri terutama ibu-mertua dan ibu dalam penjagaan anak, sungguh-pun mereka dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini dengan penuh kepercayaan berbanding dengan penjagaan anak oleh golongan yang tiada pertalian darah, namun mereka menyedari tentang keupayaan

ibu-mertua dan ibu dalam penjagaan dan pengasuhan anak. Menurut kata seorang responden :-

" Ibu-mertua saya sudah tua, ia hanya mampu untuk menjaga seorang atau dua anak di samping menguruskan kerja-kerja rumah lain. Ia tidak mampu untuk menjaga anak yang ramai ".

Situasi ini menunjukkan sungguhpun mereka dapat menikmati bantuan dari ahli keluarga sendiri tetapi keadaan ini pula terhad kepada keupayaan tenaga yang ada pada ibu-mertua dan ibu mereka.

Penemuan-penemuan kajian juga menunjukkan bahawa 2/3 daripada responden bersetuju bahawa wanita yang tidak bekerja boleh menjaga anak dengan lebih baik. ( Jadual 4.02 )

	Wanita yang tidak bekerja boleh menjaga anak dengan lebih baik		
Bilangan	Setuju	Tidak setuju	Tidak semestinya
	20 (66.7%)	2 (6.7%)	8 (26.6%)

Jadual 4.02 : Sikap wanita terhadap pendapat bahwa

" wanita yang tidak bekerja boleh menjaga anak dengan lebih baik "

Situasi ini menunjukkan wujudnya perasaan curiga di kalangan mereka terhadap kebolehan mereka untuk melaksanakan keperluan dan memenuhi tanggungjawab ekonomi.

dua-dua peranan sebagai seorang pekerja dan ibu. Mereka rasa bimbang tentang ketidak sempurnaan dari gabungan pekerjaan sepenuh masa dengan perlaksanaan tugas penjagaan anak dan rumah tangga. Berbanding dengan keluarga lain yang mempunyai ibu yang menjadi surirumah sepenuh masa, mereka merasa diri mempunyai beberapa kekurangan dan tidak menjadi seorang ibu yang sempurna. Kadang-kadang wujud perasaan bersalah kerana meninggalkan anak semasa bekerja.

Anak ramai akan menjadi halangan bagi responden untuk terus keluar bekerja. Kebanyakan wanita iaitu lebih kurang 90% tidak sanggup berhenti kerja demi mencapai saiz keluarga idaman mereka. Keadaan ekonomi keluarga yang memaksa mereka bekerja sebagai satu cara untuk meninggikan pendapatan keluarga. Jadi sebagai langkah untuk membolehkan mereka meneruskan pekerjaan, mereka terpaksa menghadkan saiz keluarga mereka.

#### 4.5 KESIMPULAN

Dari perbincangan dan huraian di atas, maka ternyata bahwa konflik peranan memang dialami oleh wanita yang bekerja. Sungguhpun melalui pelbagai cara penyesuaian, konflik peranan sedikit-sebanyak dapat dikurangkan namun masalah ini tetap menguasai mereka. Ini menyebabkan mereka terpaksa membuat " trade-off " antara pekerjaan dan peranan sebagai ibu. Dari analisis di atas, didapati keadaan ekonomi keluarga telah menggalakkan mereka untuk meneruskan pekerjaan. Jadi menghadkan saiz keluarga merupakan langkah utama untuk mengatasi masalah konflik peranan dan membolehkan mereka terus memberi sumbangan ekonomi

kepada keluarga. Idea tradisional Cina yang menganggap lelaki sebagai pencari nafkah dan tugas seprang wanita Cina yang hanya dihadkan untuk menguruskan kerja-kerja rumah dan melahirkan anak beransur runtuh. Malah wanita kini lebih mementingkan pekerjaan bagi memperbaiki ekonomi keluarga berbanding dengan hal kelahiran. Maka konflik peranan yang dialami berperanan penting dalam mempengaruhi kadar kesuburan di kalangan pekerja-pekerja wanita Cina.

Eduddiken tradisi yang berpusukan ejzen Confucian memberi kesan kepada aturan sosial dalam masyarakat dan dalam keluarga tradisional manusia. Sejak dahulu lagi tradisi ini ialah "Confucian educational thought was based on humanism and the cultivation of self as an ethical being, the management of the household and the nation." ( Wei-Kin Che 1979 :101 )

- 4 - Situasi ini bermakna "a woman who is considering entering the labor market ordinarily would decide whether the costs involved in bearing a child are worth the market wages she would have to forgo by not working in order to give birth to that child."

### NOTA KAKI

- 1 - Ideologi " patriarchal " memberi kuasa kepada lelaki terutama ke atas politik, clan, agama dan " masculine ".
- 2 - Dalam keluarga Cina tradisional, hanya keluarga yang kaya akan mengupah seorang tutor persendirian untuk mengajar anak gadis di rumah.
- 3 - Pendidikan tradisi yang berasaskan ajaran Confucius memberi kesan kepada aturan sosial dalam masyarakat dan dalam keluarga tradisional khususnya. Salah satu ciri pendidikan tradisi ialah " Confucian educational thought was based on humanism and the cultivation of self as an ethical being, the management of the household and the nation. " ( Wai-Kin Che 1979 :101 )
- 4 - Situasi ini bermakna " a woman who is considering entering the labor market ordinarily would decide whether the costs involved in bearing a child are worth the market wages she would have to forgo by not working in order to give birth to that child. "

Dalam keluarga Cina tradisional, orientasi utama untuk peranginan yang berkahwin adalah untuk melahirkan anak.

" Marriage is the origin of all generations ---- marriage is the happy union of two persons of two different families with a view

## BAB 5

### BUDAYA DAN KESUBURAN

#### 5.1 PENGENALAN

Bab ini akan cuba mengaitkan kesuburan dengan budaya masyarakat Cina dengan tumpuan khusus kepada sikap responden terhadap jantina. Suatu analisis secara umum mengenai sistem kekeluargaan Cina tradisional, sikap dan nilai serta norma-norma masyarakat Cina tradisional terhadap anak lelaki dan perempuan perlu dihuraikan sebagai asas perbandingan dengan zaman kini. Maka dari data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi, suatu rumusan akan dibuat untuk melihat hubungan antara faktor budaya dan kesuburan.

#### 5.2 BUDAYA DAN SISTEM KEKELUARGAAN CINA TRADISIONAL

Perkahwinan dianggap amat penting dalam kehidupan seorang bagi mencapai satu lingkaran hidup yang sempurna. Kepentingan perkahwinan ternyata melalui tulisan Cheng Tien-Hsi bahwa :-

" On the birth of a boy, it is wished  
( by the parent ) that he shall have  
a wife and on the birth of a girl,  
it is wished that she shall have a  
husband ".  
( 1947 : 187 )

Dalam keluarga Cina tradisional, orientasi utama untuk pasangan yang berkahwin adalah untuk melahirkan anak.

" Marriage is the origin of all  
generations ---- marriage is the  
happy union of two persons of two  
different family names with a view

in the upward way to performing  
ritual duties to the ancestors and  
in the downward way to continuing  
the future generations ".  
( Kristeva, J. 1977 : 188-89 )

Maka dalam pemilihan jodoh, faktor utama yang diberi pertimbangan ialah kebolehan anak-mertua untuk melahirkan anak.<sup>1</sup> Kegagalan seorang wanita untuk melahirkan anak boleh menyebabkan ia diceraikan atau menyebabkan suaminya berkahwin lagi.

Sikap positif di kalangan masyarakat Cina tradisional terhadap kelahiran jelas ditonjolkan dengan mentakrifkan seorang wanita yang mengandung sebagai " having happiness in the body ".  
( Winch, R.F. 1963 : 45 )

Tambahan pula menurut Levy :-

" The failure to have children implied the negation of one's own life and of the lives of all one's ancestors ".

( Winch, R.F. 1963 : 42 )

Keluarga Cina tradisional bersifat " patrilineal, patrilocal, patronymic and patriarchal ".<sup>2</sup> Keluarga bersaiz besar merupakan kegemaran di kalangan masyarakat Cina tradisional. Bilangan ahli keluarga sentiasa meningkat selaras dengan keupayaan ekonomi keluarga. Sebuah keluarga yang mempunyai anak yang ramai dianggap sebagai keluarga yang " prosperous " sementara keluarga yang bersaiz kecil adalah kurang " prosperous " ( Riaz Hassan 1980 : 49 ). Keluarga Cina tradisional biasanya berbentuk " keluarga bergabung " yang terdiri dari beberapa generasi iaitu ibubapa, anak lelaki dan anak perempuan yang belum ber-

kahwin, isteri anak lelaki, cucu dan seterusnya kepada generasi berikutnya.

Keluarga dianggap sebagai " pusat kesetiaan " ( center of loyalty ). Organisasi keluarga disusun berdasarkan prinsip " Five Cardinal Relations " yang mengatur corak hubungan antara ahli-ahli keluarga, pemerintah-diperintah dan antara individu dalam masyarakat. Salah satu dari corak hubungan ini ialah " kindness on the part of the father and filial piety on the part of the son ". ( Wai-Kin Che 1979 : 36 )

Konsep " filial piety " amat dipentingkan dalam keluarga.<sup>3</sup> Keupayaan untuk mempunyai anak lelaki bagi meneruskan zuriat keluarga dan menjalankan tugas menyembah roh nenek-moyang merupakan salah satu cara bagi menunjukkan ketaatan kepada ibubapa dan moyang. Menurut ideologi Confucious :-

" of the three unfilial acts, the greatest is to lack prosterity ".  
( Winch, R.F. 1963 : 42 )

Anak lelaki amat dipentingkan dalam keluarga. Ia yang mewarisi dan meneruskan zuriat atau nama keluarga serta bertanggungjawab dalam upacara penyembahan roh nenek-moyang ( ancestor worship ). Penyembahan roh dianggap penting berdasarkan kepercayaan kepada " spiritual immortality " dan " the ghost theory " ( Wai-Kin Che 1979 : 38 )<sup>4</sup>

Maka dalam keluarga Cina tradisional, nilai budaya yang kuat dan " sanction " bukan saja mengkehendaki seorang wanita mempunyai anak tetapi yang lebih penting ialah melahirkan anak

lelaki. Seorang wanita semata-mata merupakan agen untuk menge-kalkan keturunan keluarga suaminya.

Status seorang wanita dalam keluarga bergantung kepada keupayaannya untuk melahirkan anak lelaki. Layanan ibu-mertua terhadap anak-mertua pada peringkat awal perkahwinan adalah buruk sehingga ia dapat melahirkan anak lelaki yang pertama. Jadi tanpa anak lelaki, kedudukan wanita dalam keluarga suaminya disifatkan sebagai " tidak selamat ".

" For the daughter in-law in the first year of marriage to produce a succession of girl babies and never a boy was in a real sense of tragedy --- only son ensured worship of the ancestors--- only as the mother of a son did a woman become a potential ancestress, with prestige in her husband's family in life and the assurance of comforting rites for her soul after death ".  
( Ann E. Wee 1963 : 383 )

Akibatnya anak lelaki lebih mendapat sanjungan dalam keluarga. Anak lelaki juga merupakan tempat pergantungan masa depan ibubapa seperti kata pepatah Cina " to rear son for old age care ".

Anak perempuan pula tidak begitu disambut baik dan disifatkan sebagai " kepunyaan orang lain ". Ini disebabkan anak perempuan akan meninggalkan keluarga asasnya pada suatu hari nanti dan meneruskan zuriat keluarga lain. Maka wujud sikap bahwa " when you raise girls, you're raising children for strangers ". Anak perempuan dikatakan tidak membawa apa-apa manfaat kepada keluarga malah disifatkan sebagai suatu pembaziran atau " sih pun

he " dalam dialet Hokkien yang bermakna " goods on which one loses ". ( Ann E. Wee 1963 : 385 )

Reaksi terhadap kelahiran dalam keluarga berbeza dari segi jantina bayi :-

" The Chinese baby boy has always been assured of a welcome into the world, but the baby girl cannot be so sure of a glad reception ".  
( Ann E. Wee 1963 : 383 )

Huraian-huraian di atas jelas menunjukkan wujudnya diskriminasi terhadap anak perempuan. Nilai-nilai budaya yang kuat menyebabkan keluarga Cina tradisional cenderung berkeluarga besar. Budaya Cina yang menekankan kepentingan anak lelaki telah membawa kepada inisiatif untuk mendapatkan sekurang-kurangnya seorang anak lelaki dalam keluarga.

### 5.3 SIKAP TERHADAP KEJANTINAAN ANAK DAN KESUBURAN

Sikap terhadap kejantinaan anak ( sex-preference ) dipercayai mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap kadar kesuburan. Demi untuk menentukan sejauhmana faktor budaya yang memtingkan anak lelaki masih berterusan dan mempengaruhi sikap terhadap kesuburan di kalangan wanita Cina, soalan-soalan berikut telah dikemukakan kepada responden :-

- (1) Apakah jantina anak yang anda harapkan semasa mengandung anak pertama?
- (2) Apakah pendapat anda terhadap kepentingan anak lelaki sebagai - agen penerusan zuriat keluarga dan - pelaburan bagi jaminan masa tua?

(3) Jika anda tiada anak lelaki,

- adakah anda akan terus melahirkan anak untuk dapat anak lelaki?
- adakah anda akan mengambil anak angkat lelaki?

(4) Jika anda tiada anak perempuan,

- adakah anda akan terus melahirkan anak untuk dapat anak perempuan?
- adakah anda akan mengambil anak angkat perempuan?

Penemuan kajian menunjukkan bahawa semasa mengandung anak pertama, 70% daripada responden tidak kisah samada anak yang dikandung itu lelaki atau perempuan, 23.3% pula inginkan anak lelaki sementara yang lain iaitu 6.7% mahu anak perempuan. Situasi ini menunjukkan kebanyakan responden tidak mementingkan jantina anak pertama dan terserah kepada nasib. Walau bagaimanapun, jika anak pertama adalah lelaki, maka mereka inginkan anak perempuan pada kandungan kedua dan begitu dengan keadaan sebaliknya. Ini menunjukkan anak perempuan juga mendapat penilaian.

Jika mereka tiada anak lelaki atau perempuan, 83.3% daripada responden akan terus melahirkan anak untuk mendapatkan jantina anak yang diingini. Keadaan ini menggambarkan bahawa mereka ingin mempunyai komposisi keluarga yang ideal yang mengandungi anak lelaki dan perempuan. Responden yang tidak akan terus melahirkan anak sungguhpun tiada anak lelaki atau perempuan adalah lebih mementingkan keidealann saiz keluarga atau mungkin disebabkan masalah ekonomi keluarga dan kesihatan.

Tiada seorang responden yang sanggup mengambil anak angkat perempuan sungguhpun mereka tiada anak perempuan semestara hanya 1/5 daripada responden yang akan mengambil anak angkat lelaki. Pengambilan anak angkat masih tidak biasa dipraktikkan kerana masyarakat Cina lebih mementingkan pertalian darah. Walaupun bilangan responden yang ingin mengambil anak angkat lelaki begitu rendah, namun ia jelas menunjukkan bahwa anak lelaki lebih digemari dan diberi keutamaan berbanding dengan anak perempuan.

Keperluan terhadap anak lelaki sebagai agen penerusan zuriat keluarga dan meneruskan nama keluarga masih dipegang kuat oleh kebanyakan responden. 76.7% daripada mereka menyatakan bahawa adalah penting untuk melahirkan anak lelaki agar zuriat keluarga mereka tidak pupus. Mereka masih patuh pada amalan-amalan budaya iaitu bahawa setiap pasangan yang berkahwin harus melahirkan sekurang-kurangnya seorang lelaki bagi meneruskan nama keluarga dan menyembah roh moyang. Melalui anak lelaki, mereka dapat menunjukkan ketaatan ( filial piety ) terhadap nenek-moyang mereka. Malah seramai 3.3% responden yang menyatakan amalan meneruskan zuriat keluarga adalah " sangat penting " dan menjadi tanggungjawab setiap pasangan yang berkahwin. Semestara 20% pula anggap ia " kurang penting ". Sikap sedemikian menunjukkan mereka masih tidak menafikan tentang kepentingan amalan ini tetapi lebih bersikap nuetral. Bagi golongan ini, ada atau tiada anak lelaki bergantung kepada nasib keluarga dan moyang mereka.

Sikap terhadap kepentingan anak lelaki sebagai satu

pelaburan bagi menjamin masa tua menunjukkan penyebaran yang agak seimbang antara mereka yang menyatakan penting ( 50% ) dan kurang penting ( 46.7% ). Mereka yang menyatakan pentingnya mempunyai anak lelaki sebagai tempat pergantungan masa tua biasanya memberi sebab-sebab bahwa mereka tidak mempunyai harta-benda dan simpanan. Tambahan pula, menurut mereka, adalah menjadi tanggungjawab bagi anak lelaki untuk menyara ibubapa yang tua.

Golongan yang tidak begitu mengharapkan anak lelaki sebagai jaminan masa tua menyatakan bahwa anak lelaki akan mendirikan rumah tangga pada suatu hari nanti dan mempunyai keluarga sendiri untuk ditanggung. Jadi mereka tidak boleh terlalu bergantung kepada anak lelaki. Apa yang lebih penting bagi mereka ialah bekerja kuat pada masa kini dan membuat simpanan untuk masa depan. Jadi, keputusan kajian menunjukkan bahwa anak lelaki pada zaman moden ini lebih dipentingkan sebagai agen penerusan zuriat keluarga berbanding dengan sebagai jaminan masa tua responden.

Pendapat responden mengenai bilangan anak yang ideal untuk sebuah keluarga secara purata ialah 3.86 orang. Ini menunjukkan kecenderungan wanita Cina kini untuk berkeluarga kecil. Hasil-hasil kajian juga menunjukkan bahwa separuh dari responden yang menentukan sendiri saiz keluarga mereka sementara 40% pula berbincang dengan suami. Dalam hal kelahiran, responden memainkan peranan utama dan diberi kuasa dalam membuat keputusan. Kuasa ibu-mertua beransur runtuh dan mereka jarang campurtangan dalam hal menentukan saiz keluarga dan jantina anak dalam keluarga. Responden tidak menghadapi paksaan atau tekanan dari

ibu-mertua dalam hal bilangan anak.

Reaksi yang ditunjukkan oleh kebanyakan ibu-mertua terhadap bayi yang baru lahir tidak berbeza tidak kira bayi itu lelaki atau perempuan. Apa yang lebih dipentingkan ialah keselamatan ibu dan bayi. Bagi ibu-mertua yang berfikiran kuno terutama yang berasal dari negara China, reaksi yang ditunjukkan oleh mereka menunjukkan mereka masih gemar pada anak lelaki. Seperti kata seorang responden :-

" Masa saya melahirkan anak perempuan dalam kandungan pertama, ibu-mertua saya tidak datang melihat bayi itu ".

Sungguhpun demikian, sikap ini akan berubah selepas beberapa ketika dan mereka tidak memaksa responden untuk melahirkan anak lelaki.

Dengan pengaruh modenisasi dan perubahan nilai masyarakat, status seorang wanita dalam masyarakat dan keluarga khususnya tidak lagi bergantung kepada anak lelaki tetapi lebih berdasarkan kepada faktor pencapaian. Ketiadaan anak lelaki bukan lagi merupakan satu tragedi yang serius dan membimbangkan. Tambahan pula, isu bahwa ibu-mertua menyeksa dan memberi layanan buruk kepada anak-mertua yang tidak melahirkan anak lelaki seperti yang berlaku dalam keluarga Cina tradisional tidak lagi dipraktikkan. Wanita kini menikmati lebih kebebasan dan berhak membuat keputusan tanpa menghadapi banyak tekanan terutama dari ibu-mertua.

Perubahan pemikiran dan nilai ibu-mertua terhadap kelebihan anak lelaki sedikit-sebanyak dipengaruhi oleh faktor

ekonomi terutama dari segi sikap masyarakat Cina terhadap nilai ekonomi anak perempuan. Anak perempuan bukan saja dapat membantu menguruskan kerja-kerja rumah malah dapat memberi sumbangan pendapatan kepada keluarga, lebih-lebih lagi pada masa sebelum berkahwin. Masyarakat Cina kini tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada anak lelaki sebagai satu-satunya punca sumbangan ekonomi keluarga malah mereka dapat mengalih harapan kepada anak perempuan. Lantaran itu, anak perempuan seperti anak lelaki juga mempunyai nilai ekonomi. Tambahan pula, kedudukan ekonomi keluarga responden yang rendah tidak membenarkan penentuan kejantinan oleh ibu-mertua. Sebaliknya saiz keluarga telah ditentukan dan dihadkan mengikut kemampuan ekonomi keluarga.

#### 5.4 KESIMPULAN

Berdasarkan huraihan-huraian di atas, maka dapat disimpulkan bahwa anak lelaki masih mendapat tempat utama dalam keluarga Cina. Walau bagaimanapun, ini tidak pula bermakna anak perempuan diabaikan. Anak perempuan masih diberi penilaian dan lebih berstatus berbanding dengan keluarga Cina tradisional. Responden biasanya ingin saiz komposisi keluarga yang ideal yang mengandungi anak lelaki dan anak perempuan.

" Son preference is stronger if women experience pressure from family members with a fatalistic outlook ".  
( Whyte, R.O. & Pauline Whyte 1982 : 118 )

Pendapat Whyte dan Pauline Whyte memang benar. Kebanyakan ibu-mertua responden mempunyai pemikiran yang lebih " terbuka ". Tambahan pula, mereka tidak lagi berkuasa untuk menentukan saiz

keluarga dan memaksa responden untuk melahirkan anak lelaki.

Situasi ini diperhebatkan lagi dengan status wanita kini yang lebih bersifat pencapaian dan tidak lagi bergantung kepada anak lelaki bagi menentukan kedudukannya khususnya dalam keluarga.

Keadaan ini menyebabkan keinginan responden untuk mendapat anak lelaki tidak begitu kuat berbanding dengan zaman tradisional.

Tambahan pula, anak perempuan kini juga mempunyai nilai ekonomi. Walau bagaimanapun, sikap terhadap kepentingan anak lelaki bagi meneruskan nama keluarga masih dipegang kuat berbanding dengan idea "to rear son for old age care". Kecenderungan untuk berkeluarga besar sepetimana yang diamalkan dalam keluarga Cina tradisional beransur runtuh diganti dengan saiz keluarga yang kecil. Jadi budaya Cina dan perubahan sikap sememangnya mempunyai pengaruh penting ke atas kesuburan.

children's minds. Filed under complete obedience, submission and devotion to parents." - Wei-Kin Che 1979:30

"Spiritual immortality" - "surja dan sifat-sifat baik-wilayah serta keluasan manusia akan diingati setelah kematiannya berutama oleh ahli keluarganya.

Mengikut dia "the ghost theory", adalah diperayai bahwa individu yang mati akan hidup sebagai "ghost" dan mempunyai pelbagai isthoodak. Maka menjadi tanggungjawab bagi yang hidup untuk menyembah dan membekalkan demi memenuhi keperluan mereka.

## NOTA KAKI

### PERANCANGAN KELUARGA DAT KESUBURAN

1 - Perkahwinan tradisi yang lebih dikenali sebagai perkahwinan adat diatur oleh ibubapa. Pemilihan jodoh dijalankan oleh orang tengah.

Malaysia sebagai satu polisi pada tahun 1966 sebagai satu langkah untuk menurunkan kadar pertambahan penduduk seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Negara Perdana 1966-1970. Melainkan polisi ini, Lebihnya Perancangan Keluarga Negara (NPP) dibentuk pada Jun 1966 di bawah Akta Perancangan Keluarga 1966.

Patrilocal - seorang isteri akan berpindah ke tempat suami setelah berkahwin.

Patronymic - anak mengikut nama keluarga bapa.

Patriarchal - bapa yang berkuasa dalam keluarga.

3 - " Filial piety in the traditional family meant that the parents occupied the first and the most important position in the children's minds. Filial piety demanded complete obedience, submission and devotion to parents ". ( Wai-Kin Che 1979:30 )

4 - " Spiritual immortality " bermaksud kerja-kerja dan sifat-sifat baik (virtues) serta kelakuan seseorang akan diingati setelah kematiannya terutama oleh ahli keluarganya. Mengikut idea " the ghost theory ", adalah dipercayai bahwa individu yang mati akan hidup sebagai "ghost" dan mempunyai pelbagai kehendak. Maka menjadi tanggungjawab bagi yang hidup untuk menyembah dan membekalkan demi memenuhi keperluan mereka.

Responden ditanya apakah mereka pernah mendengar istilah Perancangan Keluarga. Setiap responden mereka memberi jawapan "ya". Kemudian mereka disuruh menamakan jenis kuadah Perancangan Keluarga yang pernah didengar dari antara senarai kuadah Perancangan Keluarga. Didapati bahwa setiap responden adalah

## BAB 6

### PERANCANGAN KELUARGA DAN KESUBURAN

#### 6.1 PENGENALAN

Perancangan Keluarga telah diterima oleh kerajaan Malaysia sebagai satu polisi pada tahun 1966 sebagai satu langkah untuk menurunkan kadar pertambahan penduduk seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970. Melalui polisi ini, Lembaga Perancangan Keluarga Negara ( NFPB ) telah ditubuhkan pada Jun 1966 di bawah Akta Perancangan Keluarga 1966. Objektif NFPB adalah untuk memperbaiki kesihatan dan kebajikan keluarga; memperbaiki taraf hidup rakyat; meninggikan pendapatan per kapita serta menurunkan kadar pertambahan penduduk. ( NFPB of Malaysia Jan. 1977 )

Sikap responden dan taraf pengetahuan serta amalan mereka terhadap Perancangan Keluarga membawa implikasi penting terhadap kesuburan dan pencapaian saiz keluarga mereka. Bab ini akan menghuraikan tentang pengetahuan, sikap dan amalan di kalangan pekerja wanita Cina terhadap Perancangan Keluarga. Ketiga-tiga faktor ini akan ditinjau dalam hubungannya dengan taraf sosio-ekonomi responden.

#### 6.2 PENGETAHUAN MENGENAI PERANCANGAN KELUARGA

Responden ditanya samada mereka pernah mendengar istilah Perancangan Keluarga. 100% daripada mereka memberi jawapan "ya". Kemudian mereka disuruh menamakan jenis kaedah Perancangan Keluarga yang pernah didengar dari satu senarai kaedah Perancangan Keluarga. Didapati bahawa setiap responden adalah

pernah mendengar sekurang-kurangnya satu jenis kaedah Perancangan Keluarga. Pil adalah paling biasa didengar oleh responden ( 90% ). Ini diikuti oleh " condom " ( 73.4% ), IUD ( 26.7% ), " withdrawal " ( 20% ), " injection " ( 16.7% ) dan " rhythm " ( 3.3% ).

Taraf pelajaran mempunyai kesan terhadap pengetahuan mengenai kaedah Perancangan Keluarga. Kebanyakan responden ( 90% ) yang tiada berpendidikan dan yang berpendidikan sekadar peringkat sekolah rendah saja hanya pernah mendengar satu atau dua jenis kaedah yang telah disenaraikan. Kaedah yang paling umum bagi mereka ialah pil dan " condom ". Walau bagaimanapun, bagi responden yang berpelajaran ke peringkat menengah, mereka pernah mendengar lebih banyak jenis kaedah Perancangan Keluarga iaitu dalam lingkungan 2 hingga 4 jenis.

### 6.3 AMALAN PERANCANGAN KELUARGA

Semua responden yang ditemui pernah menggunakan Perancangan Keluarga. Pil dan " condom " adalah kaedah yang paling lumrah digunakan. Ini menunjukkan responden lebih cenderung untuk menggunakan jenis kaedah perancangan yang lebih murah harganya dan menyenangkan serta mudah untuk mendapatkannya. Kaedah-kaedah lain seperti " injection " dan " withdrawal " yang mengkehendaki responden ke hospital atau klinik untuk pencegahan tidak begitu popular di kalangan responden.

Secara keseluruhan didapati bahawa tempoh mengamalkan Perancangan Keluarga meningkat dengan bertambahnya tempoh perkahwinan. 83.3% daripada responden sedang menggunakan Peran-

cangan Keluarga semasa kajian dijalankan. Golongan ini biasanya terdiri dari mereka yang tidak ingin melahirkan anak untuk tempoh masa ini dan juga mereka yang telah mencapai saiz keluarga yang diingini. Responden yang tidak menggunakan Perancangan Keluarga untuk jangkamasa ini terdiri dari mereka yang baru berkahwin dan masih berusaha untuk mencapai saiz keluarga idaman mereka.

Kebanyakan responden ( 73.3% ) mengamalkan sesuatu kaedah perancangan yang diperkenalkan oleh doktor atau jururawat. Sementara 16.7% pula mengetahui sesuatu kaedah perancangan dari ahli keluarga terutamanya suami dan 10% pula dari kawan. Sumber utama responden untuk mendapatkan maklumat, nasihat dan bekalan Perancangan Keluarga adalah melalui klinik persendirian, klinik kerajaan dan hospital kerajaan. Kebanyakan daripada mereka cenderung untuk terus menggunakan Perancangan Keluarga pada masa depan. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan Perancangan Keluarga diamalkan oleh responden demi untuk merancang jarak antara kelahiran dan menghadkan saiz keluarga.

#### 6.4 SIKAP TERHADAP PERANCANGAN KELUARGA

Responden ditanya samada mereka setuju atau tidak dengan Perancangan Keluarga. Sambutan positif diberi oleh 93.4% responden. Menurut mereka, Perancangan Keluarga membolehkan mereka merancang saiz keluarga mengikut keupayaan ekonomi keluarga. Ia juga membolehkan dan memudahkan mereka untuk keluar bekerja. Situasi ini selaras dengan pendapat Joyce Lebra dan Joy Paulson bahawa :-

" Through contraception, a women is able to define herself in terms other than motherhood, to consider alternatives roles for herself besides these decreed by tradition, custom and biological destiny --- Family Planning also enables women to engage in roles other than those of housewife and mother. It enables her to fulfil her individual potential beyond the four walls of the home ".  
( 1980 : 220 )

Tambahan pula, budaya Cina tidak menghalang penggunaan Perancangan Keluarga. Maka mereka dapat mengamalkannya dengan bebas tanpa menghadapi kutukan dari nilai-nilai sosio-budaya.

Hanya 2 daripada 30 orang responden yang tidak begitu setuju dengan Perancangan Keluarga dengan alasan takut pada kesan sampingan yang akan timbul yang pernah mereka alami. Salah seorang dari mereka misalnya menghadapi " allergy " selepas memakan pil. Keadaan ini menyebabkan mereka rasa was-was untuk menggunakan Perancangan Keluarga.

Responden juga ditanya samada mereka ingin mempelajari lebih pengetahuan mengenai Perancangan Keluarga. Mereka yang lebih berminat terdiri dari golongan yang lebih muda usianya ia- itu dalam lingkungan 22-33 tahun. Sementara mereka yang telah mencapai umur 35 tahun dan ke atas tidak lagi berminat untuk mempelajari. Kalau dibandingkan dari segi taraf pelajaran, didapati bahwa golongan yang berpendidikan ke peringkat menengah ( 9 dari pada 16 responden ) lebih berminat untuk mempelajari berbanding dengan responden yang tidak bersekolah dan yang berpendidikan ke peringkat sekolah rendah saja ( 3 daripada 14 responden ). Responden yang tidak ingin mempelajari lebih pengetahuan mengenai

Perancangan Keluarga mungkin kerana mereka rasa tidak perlu dan rasa puas sekadar mengetahui beberapa kaedah perancangan. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan bahwa sikap responden terhadap Perancangan Keluarga secara keseluruhannya amatlah menggalakkan.

#### 6.5 KESIMPULAN

Pengetahuan responden mengenai Perancangan Keluarga agak luas di mana semua daripada mereka pernah mendengar Perancangan Keluarga. Setiap responden dari pelbagai peringkat umur dan taraf pelajaran pernah mendengar sekurang-kurangnya satu daripada kaedah perancangan yang telah disenaraikan. Kaedah Perancangan Keluarga yang paling biasa didengari ialah pil dan "condom". Responden yang berpendidikan lebih tinggi hingga peringkat sekolah menengah mempunyai pengetahuan yang lebih terhadap pelbagai jenis kaedah Perancangan Keluarga berbanding dengan mereka yang tidak berpelajaran dan yang berpendidikan setakat sekolah rendah saja.

Kaedah Perancangan Keluarga yang paling biasa digunakan ialah pil dan "condom". Seramai 83.3% daripada responden yang masih menggunakan Perancangan Keluarga. Kebanyakan daripada mereka cenderung untuk meneruskannya pada masa depan.

Sikap responden terhadap Perancangan Keluarga secara keseluruhannya amat menggalakkan dengan 93.4% setuju dengan Perancangan Keluarga. Hanya 6.6% yang tidak setuju dengan Perancangan Keluarga kerana takut pada kesan-sampungan yang mungkin timbul. Lebih kurang 40% daripada responden ingin mempelajari lebih pengetahuan mengenai Perancangan Keluarga dan kebanyakannya terdiri dari mereka yang berpendidikan ke peringkat menengah.

## BAB 7

### PENUTUP

Kajian ini melihat kesuburan di kalangan pekerja wanita Cina dari sudut dan perkaitannya dengan konflik peranan, budaya Cina dan Perancangan Keluarga.

Taraf sosio-ekonomi keluarga yang rendah telah mendorong wanita Cina bekerja. Data-data yang diperolehi jelas menunjukkan bahwa lebih kurang 60% daripada suami responden berpendapatan rendah iaitu dalam lingkungan \$300-500 sebulan. (Sila rujuk kembali jadual 3.15) Maka wujud kesedaran di kalangan wanita Cina bahawa melalui pekerjaanlah, mereka akan memperolehi pendapatan bagi menampung keperluan serta meninggikan taraf hidup keluarga. Ada juga di kalangan mereka bekerja untuk kepuasan diri, mengisi masa lapang dan mengelakkan rasa bosan di rumah. Tidak kurang pula di kalangan mereka yang ingin berdikari dari segi kewangan dan tidak mahu terlalu bergantung kepada suami. Mereka juga ingin memperolehi kebebasan dan rasa diri lebih berguna.

Pada dasarnya, wanita Cina bekerja bukan untuk satu-satu motif saja tetapi kombinasi pelbagai motif. Walau bagaimanapun, akibat dari keadaan sosio-ekonomi keluarga yang serba-kurang, maka faktor ekonomi menjadi faktor utama yang mendorong mereka bekerja.

Penemuan kajian yang didapati jelas menyokong hipotesis bahawa faktor pekerjaan membawa kepada penurunan kesuburan wanita Cina. Pekerjaan telah membawa kepada peluasan peranan

wanita dari seorang ibu kepada seorang pekerja. Perlaksanaan kedua-dua peranan ini secara serentak merupakan suatu urusan yang serius dan menimbulkan tekanan. Situasi ini diperhebatkan lagi oleh jangkaan-jangkaan di kalangan masyarakat Cina yang mengkehendaki mereka memenuhi tuntutan peranan yang telah ditentukan. Konflik peranan juga wujud akibat dari masalah kesuntukan masa kerana sebahagian dari masa mereka telah dihabiskan di tempat kerja. Perlaksanaan kedua-dua peranan sebagai ibu dan pekerja berkonflik dari segi masa dan tempat. Mereka menghadapi masalah berada di dua tempat pada masa yang sama atau melaksanakan dua tugas pada masa yang sama. Situasi ini menyebabkan permintaan terhadap peranannya sebagai ibu yang diperlukan pada masa-masa tertentu tidak dapat dipenuhi secara otomatis. Di samping itu, mereka juga menghadapi dilema tentang peranan mana yang harus diutamakan. Bagi mereka, kedua-dua peranan ini adalah penting dan tidak harus diabaikan.

Huraian-huraian di atas jelas menunjukkan konflik peranan dialami oleh wanita Cina akibat dari apa yang dinyatakan oleh Francine S.H. & Douglas T.H. bahwa :-

" the demands, expectations, responsibilities and pressure that other people impose on us in any given role; our own perception of what we think we ought to be doing in that role; and our own behaviour - how we act, consciously or unconsciously ".  
( 1979 : 75 )

Data-data yang diperolehi menunjukkan bahawa kebanyakan anak responden masih kecil dan berada dalam peringkat yang memerlukan penjagaan, didikan dan asuhan. Daripada jumlah 83 orang anak,

33 daripadanya berumur antara 0-5 tahun (sila rujuk kembali jadual 3.05). Kanak-kanak di peringkat pra-sekolah ini yang mewujudkan masalah dan tekanan yang hebat ke atas ibu yang bekerja. Mereka tidak tahu menjaga diri dan memerlukan perhatian sepenuhnya dari ibu mereka padahal ibu yang bekerja menghadapi masalah kesuntukan masa dan tidak dapat melaksanakan tugas ini dengan sempurna. Sungguhpun kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan menengah sudah pandai menjaga diri namun didikan dan asuhan dari ibu terutamanya tidak harus diabaikan.

Lantaran itu, wanita Cina terpaksa mengambil pelbagai langkah dan usaha untuk menyesuaikan diri bagi memenuhi kedua-dua peranan sebagai ibu dan pekerja dan mengurangkan masalah konflik. Kaedah "role-redefinition" telah digunakan dengan cara mengagihkan tugasnya kepada pihak lain atau berkongsi bersama orang lain.

Bagi masyarakat tradisi, keluarga luas dipertanggung-jawabkan menjaga anak. Penemuam kajian menunjukkan bahawa pada masa kini, ada ibu-mertua yang sanggup membantu dalam/menguruskan kerja-kerja rumah dan menjaga cucu. Keadaan ini lebih memudahkan dan membolehkan responden untuk keluar bekerja. Walau bagaimanapun, bilangannya tidak ramai iaitu lebih kurang 30%.

Masalah penjagaan anak lebih ketara dihadapi oleh responden yang berkeluarga asas. Mereka terpaksa mendapatkan pertolongan terutama dari ibu yang tinggal berdekatan atau mengupah jiran dan kawan untuk menjaga anak mereka semasa mereka bekerja. Upah penjagaan anak agak murah iaitu dalam lingkungan \$80-120 se-

bulan. Bagi kanak-kanak di peringkat sekolah rendah, responden terpaksa mengatur untuk mendapatkan bantuan jiran-jiran, kawan atau saudara-mara yang berdekatan untuk memerhatikan anak mereka selepas balik dari sekolah. Sekiranya aturan ini tidak dapat dibuat, maka anak mereka akan ditinggalkan berseorangan di rumah.

Kaedah " personal re-orientation " juga digunakan untuk mengatasi masalah konflik peranan dengan cara mengatur prioriti di antara peranan-peranan yang harus dilakukan. Situasi ini dapat mengatasi masalah dilema mereka tentang peranan mana yang harus diutamakan. Di samping itu, mereka cuba memisahkan kedua-dua peranan sebagai ibu dan pekerja dengan menumpukan perhatian sepenuhnya semasa menjalankan peranannya sebagai ibu. Hal-hal pejabat tidak dibawa ke dalam rumah tangga. Mereka juga mengambil pendirian bahawa konflik peranan adalah satu kenyataan yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan. Mereka terpaksa berhadapan dengannya dan cuma berharap konflik akan dikurangkan dari masa ke masa.

Strategi penyesuaian yang lain ialah " reactive-role behaviour " iaitu dengan cara merencana dan mengorganisasikan masa dengan lebih baik; membuat jadual; melakukan setiap kerja secara bergilir-gilir serta bekerja kuat dengan menggunakan lebih masa dan tenaga agar setiap peranan yang dijangkakan dapat dilakukan.

Sungguhpun melalui pelbagai kaedah penyesuaian, konflik peranan sedikit-sebanyak dapat dikurangkan, numun di sebalik dari cara penyesuaian ini, wujud pelbagai masalah.

Kos untuk " baby-sitter " yang akan meningkat dengan bertambahnya bilangan anak telah menghadkan inisiatif responden untuk mempunyai saiz keluarga yang besar. Perbincangan yang lalu menunjukkan bahwa kebanyakan responden berpendapatan rendah iaitu dalam lingkungan kurang dari \$300 - 400 sebulan sementara belanja " baby-sitting " adalah 20% dari jumlah pendapatan mereka. Kos " baby-sitting " akan bertambah mengikut jumlah anak. Maka anak ramai akan menyebabkan usaha mereka untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi keluarga dengan memberi sumbangan pendapatan tidak akan tercapai. Malah keadaan ini akan menambahkan lagi beban keluarga.

Responden juga menyedari bahawa tugas mendidik dan mengasuh anak merupakan tanggungjawab ibubapa dan " baby-sitter " tidak sesuai sebagai agen sosialisasi anak mereka. " Baby-sitter " hanya sekadar memberi perlindungan, kebersihan dan makanan kepada anak mereka. Demi untuk membesar dengan sempurna, seseorang kanak-kanak juga memerlukan kasih-sayang, peransangan mental dan didikan. Dengan mempunyai anak yang ramai, masalah kesuntukan masa menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian kepada setiap anak. Mereka khuatir keadaan ini mungkin akan menggelapkan masa depan anak dan kelak mewujudkan pelbagai masalah sosial.

Bagi wanita yang dapat menikmati bantuan penjagaan anak dari ahli keluarga terutama ibu-mertua dan ibu, sungguhpun mereka dapat menikmati kemudahan ini dengan penuh keyakinan, namun di sebalik dari itu, mereka menyedari bahawa keupayaan tenaga yang ada pada ibu-mertua dan ibu adalah terhad dan tidak mampu menolong mereka sekiranya mereka beranak ramai. Situasi ini ber-

makna mereka terpaksa mengupah " baby-sitter " jika mempunyai anak yang ramai.

Wanita Cina juga merasa curiga terhadap kebolehan mereka untuk melaksanakan kedua-dua peranan secara serentak. Mereka rasa bimbang tentang ketidaksempurnaan dari gabungan kedua-dua peranan dan merasai diri mempunyai beberapa kekurangan berbanding dengan surirumah sepenuh masa.

Tugas untuk menjaga, mendidik dan membesarakan anak adalah amat membebankan dan memerlukan masa dan tenaga. Hasil kajian jelas menunjukkan tanggungjawab ini masih diserahkan sepenuhnya kepada wanita. Kerjasama dari suami hanya terhad kepada situasi tertentu saja. Penjagaan anak dan pengurusan rumah tangga masih merupakan tugas wanita sungguhpun mereka juga mempunyai tugas di luar rumah tangga.

Maka masalah konflik peranan menyebabkan wanita Cina terpaksa membuat " trade-off " antara pekerjaan dan peranan keibuannya. Taraf ekonomi keluarga yang rendah telah menggalakkan mereka ingin terus bekerja untuk membantu suami dan meninggikan pendapatan keluarga. Jadi menghadkan saiz keluarga merupakan langkah utama untuk mengatasi masalah konflik dan membolehkan mereka terus memberi sumbangan ekonomi kepada keluarga. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa konflik peranan sebagai seorang pekerja dan ibu berperanan penting mempengaruhi kesuburan wanita Cina.

Data-data yang dikumpul menunjukkan kebanyakan wanita Cina mempunyai bilangan anak antara 1 - 4 orang dengan purata 2.77 untuk setiap keluarga. Jurang antara setiap kelahiran

biasanya berada dalam lingkungan 1 - 3 tahun. Pendapat mereka mengenai bilangan anak yang sesuai untuk keluarga mereka secara purata ialah 3.86 iaitu di bawah had cadangan Polisi Kependudukan Kebangsaan yang mengkehendaki sebuah keluarga mempunyai 5 orang anak. Ini menunjukkan kecenderungan mereka untuk berkeluarga kecil.

Selain dari konflik peranan, nilai-nilai budaya masyarakat dalam sistem kekeluargaan terutama sikap mereka terhadap kejantinaan anak juga mempunyai pengaruh penting terhadap kesuburan wanita Cina.

Berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden, didapati bahawa anak lelaki masih mendapat tempat utama dalam keluarga Cina terutama sebagai agen bagi meneruskan nama atau zuriat keluarga dan untuk tujuan keagamaan ( iaitu menjalankan tugas menyembah roh moyang ). Walau bagaimanapun, situasi ini tidak bermakna anak perempuan diabaikan. Wujud perubahan nilai di kalangan masyarakat Cina di mana anak perempuan kini juga diberi penilaian dan sambutan dalam keluarga. Wanita Cina kini biasanya ingin mempunyai saiz komposisi keluarga yang ideal yang mengandungi anak lelaki dan anak perempuan.

Dalam soal kelahiran, wanita Cina kini memainkan peranan utama dan diberi kuasa dalam membuat keputusan. Kuasa ibu-mertua beransur runtuh. Mereka jarang campurtangan dalam menentukan saiz keluarga dan kejantinaan anak. Ibu-mertua kini lebih berpemikiran " terbuka " dan tidak begitu mementingkan kejantinaan bayi. Apa yang lebih diutamakan ialah keselamatan ibu

dan bayi semasa dalam kelahiran. Maka ketiadaan tekanan dari ibu-mertua menyebabkan keinginan wanita Cina untuk mendapatkan anak lelaki tidak begitu kuat. Sebaliknya mereka lebih mementingkan keideal saiz keluarga.

Perubahan nilai ibu-mertua terhadap kelebihan anak lelaki juga dipengaruhi oleh faktor ekonomi. Anak perempuan kini bukan saja dapat membantu menjalankan kerja-kerja rumah malah dapat menyumbang pendapatan kepada keluarga apabila mereka keluar bekerja. Mereka juga mempunyai nilai ekonomi. Maka masyarakat Cina kini tidak lagi bergantung semata-mata kepada anak lelaki tetapi dapat mengarahkan harapan kepada anak perempuan. Keadaan di mana ibu tua terus tinggal bersama dengan anak perempuan yang telah berkahwin dan yang bekerja khususnya yang berupaya menanggung kehidupan masa tua mereka bukan suatu perkara pelek lagi. Segala perubahan ini jelas menunjukkan keruntuhan ideologi "Patrilineal" di mana corak penempatan tidak lagi semata-mata berasaskan patrilokal. Lantaran itu, status dan peranan anak perempuan kini adalah diakui dan diberi penilaian oleh masyarakat Cina.

Pada zaman pra-industri, keluarga merupakan unit pengeluaran dan penggunaan di mana sumber ekonominya berasaskan pertanian. Teknologi yang simpel dan ketiadaan konsep upah menyebabkan sumber tenaga utama dalam pertanian bergantung kepada ahli-ahli keluarga khasnya anak lelaki. Lantaran itu, wujud kecenderungan di kalangan keluarga Cina tradisional untuk berkeluarga besar dan meramaikan bilangan anak lelaki bagi menambahkan bilangan

an tenaga dalam pengeluaran. Namun melalui peralihan masa, fungsi keluarga sebagai unit ekonomi beransur runtuh di mana unit keluarga sekarang secara keseluruhannya hanya penggunaan saja. Akibatnya keperluan terhadap tenaga fizikal anak lelaki dalam keluarga turut merosot. Situasi ini menyebabkan keinginan untuk dapat anak lelaki tidak begitu menonjol seperti pada zaman tradisional. Lantaran itu, wanita Cina kini juga cenderung untuk berkeluarga kecil.

Kedudukan ekonomi keluarga juga tidak membenarkan penentuan kejantinaan dan bilangan anak oleh ibu-mertua. Sebaliknya saiz keluarga responden telah ditentukan mengikut kemampuan ekonomi keluarga.

Status wanita kini tidak lagi bergantung kepada anak lelaki tetapi kepada faktor pencapaian. Ketiadaan anak lelaki bukan merupakan satu tragedi baginya sepetimana yang berlaku pada zaman tradisional. Situasi ini seterusnya telah mempengaruhi sikap mereka terhadap kepentingan anak lelaki dalam keluarga.

Dari analisis di atas, maka jelas bahawa perubahan nilai masyarakat Cina kini terhadap anak lelaki dan anak perempuan menyebabkan kecenderungan wanita Cina untuk mempunyai anak lelaki tidak sekuat seperti dalam keluarga tradisional. Anak lelaki kini lebih dipentingkan sebagai agen penerusan zuriat keluarga dan untuk tujuan keagamaan berbanding dengan kepentingannya sebagai jaminan masa tua. Maka keruntuhan ideologi "Patrilineal" dan perubahan nilai budaya masyarakat Cina mempunyai kesan penting ke atas kesuburan wanita Cina.

Kesuburan wanita Cina juga mempunyai kaitan rapat dengan Perancangan Keluarga terutama dari segi sikap, pengetahuan dan amalan mereka terhadap Perancangan Keluarga.

Pengetahuan wanita Cina terhadap Perancangan Keluarga agak luas di mana 100% daripada mereka pernah mendengar istilah Perancangan Keluarga. Setiap responden dari pelbagai peringkat umur dan taraf pelajaran pernah mendengar sekurang-kurangnya satu dari kaedah perancangan yang telah disenaraikan. Jenis kaedah yang paling biasa bagi mereka ialah pil dan "condom". Responden yang berpendidikan lebih tinggi ke peringkat sekolah menengah mempunyai pengetahuan perancangan yang lebih luas berbanding dengan mereka yang tiada berpelajaran dan yang berpendidikan rendah saja.

Amalan Perancangan Keluarga pada keseluruhannya amat menggalakkan. Pil dan "condom" merupakan kaedah yang paling biasa digunakan. Kaedah yang murah dan mudah digunakan ini lebih terkenal di kalangan responden berbanding dengan kaedah-kaedah lain seperti " injection " dan " withdrawal " yang mengkehendaki responden ke klinik atau hospital untuk pencegahan. Tempoh pengamalan Perancangan Keluarga meningkat selaras dengan bertambahnya tempoh perkahwinan. 83.3% daripada responden masih mengamalkan perancangan semasa kajian dijalankan. Kebanyakan daripada mereka cenderung untuk terus menggunakan pada masa depan.

Penggunaan sesuatu kaedah perancangan biasanya diperkenalkan oleh doktor atau jururawat ( 73.3% ) diikuti oleh ahli keluarga terutamanya suami ( 16.7% ) dan kawan ( 10.0% ). Maklumat-maklumat, nasihat dan bekalan Perancangan Keluarga biasa-

nya diperolehi dari klinik persendirian, klinik kerajaan dan hospital kerajaan.

Pada keseluruhannya, responden menunjukkan sikap yang agak positif terhadap Perancangan Keluarga. ( 93.4% ) Hanya se-gelintir saja yang tidak setuju dengan perancangan kerana takut kesan-sampingan yang akan timbul yang pernah mereka alami.

Responden yang lebih muda usianya ( 20-33 tahun ) menunjukkan minat untuk mempelajari lebih pengetahuan mengenai Perancangan Keluarga berbanding dengan responden yang berumur 35 tahun ke atas. Dari segi taraf pelajaran, didapati lebih-kurang 40% daripada responden ingin mempelajari lebih pengetahuan mengenai Perancangan Keluarga dan kebanyakannya terdiri dari mereka yang berpendidikan ke peringkat menengah.

Secara umum, boleh dinyatakan bahwa amalan Perancangan Keluarga di kalangan responden bertujuan untuk merancang jarak masa antara kelahiran dan menghadkan saiz keluarga mengikut ke-upayaan ekonomi keluarga. Di samping juga bagi membolehkan mereka memainkan peranan dalam bidang lain khususnya sebagai pekerja selain dari peranan tradisionalnya yang hanya terhad dalam lingkungan rumah tangga.

Dariuraian-huraian di atas, maka dapat disimpulkan bahwa faktor pekerjaan yang membawa kepada peluasan peranan wanita Cina dari seorang ibu kepada pekerja telah mewujudkan konflik peranan dan seterusnya memberi kesan terhadap kesuburan wanita Cina dan menyebabkan mereka cenderung untuk berkeluarga kecil. Faktor budaya serta sikap, amalan dan pengetahuan terhadap Pe-

rancangan Keluarga juga mempengaruhi kesuburan wanita Cina. Di sebalik dari perbincangan di atas, maka didapati bahwa faktor ekonomi juga merupakan angkubah penting yang menghadkan kadar kesuburan wanita Cina.

Data-data untuk kajian ini dikumpul dari 30 orang pekerja wanita Cina dan terhad pula kepada golongan yang mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang rendah. Maka hasil dan penemuan kajian ini mempunyai beberapa kekurangan dan amat terhad untuk di-aplikasikan kepada keseluruhan komposisi wanita Cina. Sungguhpun ia tidak mewakili keseluruhan wanita Cina, namun penemuan-penemuan kajian ini dapat memberi satu gambaran kasar dan boleh dijadikan panduan serta sebagai asas pengetahuan bagi mereka yang ingin memahami tentang keadaan kesuburan masyarakat Cina. Akhirnya diharapkan kajian yang lebih mendalam mengenai kesuburan wanita Cina yang dilihat dari pelbagai perspektif lain dan meliputi pelbagai komposisi wanita Cina akan mendapat pertimbangan dan perhatian pengkaji-pengkaji seterusnya.

## BIBLIOGRAFI

- (1) Ann E. Wee, Chinese women in Singapore : their present status in the family and in marriage in Women in the new Asia : The changing roles of men and women in South and South-East Asia, edited by Barbara E. Ward, Unesco, United Nations Educational, Scientific & Cultural Organization, 1963.
- (2) Banton, M., Roles, London : Tavistock Publications, 1965.
- (3) Biddle, B.J. & Thomas, E.J., Role theory : concepts and research, New York, John Wiley & Sons, Inc., 1966.
- (4) Black, James A. & Champion, D.J., Methods and issues in social research, U.S.A., Wiley & Sons, 1976.
- (5) Cheah Chin Lay, Fertility behaviour among female rural workers in Peninsular Malaysia, Thesis M. Econ., U.M., 1984.
- (6) Cheng Tien-Hsi, China moulded by Confucius : the Chinese way in Western light, London : Stevens & Sons Ltd., 1947.
- (7) Chew Chuan Juak, Peranan dan sikap wanita dalam bidang pekerjaan profesional ( satu kajian explorotory di K.L. ), Latihan ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, U.M., 1983.
- (8) Fatimah Abdullah, Wanita Melayu dan pekerjaan : satu analisis konflik peranan, Tesis Sarjana Sastera, U.K.M., Bangi, 1983.
- (9) Festinger, L. & Katz, D., Research methods in the behavioral sciences, New York : Holt, Rinehart & Winston Inc., 1966.
- (10) Hairi Abdullah, Kemiskinan dan kehidupan golongan berpendapatan rendah, Penerbitan U.K.M, Bangi, 1984.
- (11) Hall, Francine S. & Hall, Douglas T., The two career couple, London : Addison-Wesley, 1979.
- (12) Hull, Valerie J., Fertility, women's work and economic class : a case study from Southeast Asia in The fertility of working women : a synthesis of international research edited by Kupinsky, S., New York : Praeger Publishers, 1977.
- (13) Iglitzin, L.B. & Ross, R., Women in the world : a comparative study, California : Clio Books, 1976.
- (14) Kazumasa Kobayashi, Different fertility by working status of women in Japan in The fertility of working women : a synthesis of international research edited by Kupinsky, S., New York : Praeger Publishers, 1977.

- (15) Kristeva, J., About Chinese women, New York : Urizen Books, 1977.
- (16) Kupinsky, S., The fertility of working women : a synthesis of international research, New York : Praeger Publishers, 1977.
- (17) Lebra, J. & Paulson, J., Chinese women in Southeast Asia, Singapore : Times Book International, 1980.
- (18) Linton, R., The study of man, New York : Appleton-Century-Crofts, 1893.
- (19) Ng Lum Song, Position of Chinese women in marriage and family, M. Soc. U.S.M., 1977.
- (20) Nibhon Debavalya, Female employment and fertility : crosssectional and longitudinal relationship from a sample of married Thai women, Bangkok : Inst. of Population Studies, Chulalongkorn University, 1977.
- (21) Pang Siew Cheng, Sikap wanita Cina terhadap perkahwinan : satu kajian terhadap wanita Cina bujang di K.L., Latihan Ilmiah, Jab. Antropologi & Sosiologi, U.M., 1987/88.
- (22) Peter S.J. Chen, Eddie C.Y. Kuo & Betty Jamie Chung, The dilemma of parenthood : a study of the value of children in Singapore, Singapore : Maruzen Asia Pte. Ltd., 1982.
- (23) Pinnelli, A., Female labour and fertility in relationship to contrasting social and economic conditions in The fertility of working women : a synthesis of international research, edited by Kupinsky, S., New York : Praeger Publishers, 1977.
- (24) Rapoport, Rhona & Robert N. Rapoport, Working couples, London : Routledge & Kegan Paul Ltd., 1978.
- (25) Riaz Hassan, Ethnicity, culture and fertility : an explanatory study of fertility behaviour and sexual beliefs, Singapore : Chopmen Publishers, 1980.
- (26) Wai-Kin Che, The modern Chinese family, California : R & E Research Associates, Inc., 1979.
- (27) Whyte, R.O. & Pauline Whyte, The women of rural Asia, Boulder, Colorado : Westview Press, Inc., 1982.
- (28) Winch, R.F., The modern family, New York : Holt, Rinehart & Winston, 1963.

LAPURAN & MAJALAH

- (1) Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, K.L. : Jabatan Percetakan Negara, 1986.
  - (2) Lapuram Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 1981-84, Jabatan Perangkaan Malaysia.
  - (3) Malaysian Fertility & Family Survey 1974, Netherlands : International Statiscal Institude, 1979.
  - (4) Datin (Dr) Nor Laily Aziz, Tan Boon Ann, Kuan Lin Chee, The Malaysian National Family Planning Programme : some facts and figures, NFPB Malaysia, Jan., 1977.
  - (5) Abdul Hamid Arshat & Masitah Mohd. Yatim, Wanita bekerja dan pembangunan keluarga, Dewan Masyarakat, vol. 25 no. 11, Nov. 1983.
  - (6) Mason, Karen & Oppenheim & Palan V.T., Female employment and fertility in Peninsular Malaysia : The maternal role incompatibility hypothesis reconsidered, Demography, 18 no. 4, Nov. 1981.
-